

Sosialis



**RAKYAT
PERLUKAN
ALTERNATIF
POLITIK
YANG JELAS**

baca lanjut di m/s 8



**Peneroka GATCO
diancam lagi**

> m/s 5



**Pilihanraya
Perhimpunan
Perlembagaan
Venezuela**

> m/s 13

**Adakah PSM
kacau undi?**

> m/s 9

**Perubahan sosial
tidak boleh
disumberluarkan**

> m/s 6

**Menuju
masa depan
tanpa
bahan api fosil**

> m/s 10

Kenapa PSM tidak bersama Mahathir?

baca lanjut di m/s 4

DASAR PERJUANGAN PARTI SOSIALIS MALAYSIA

Parti Sosialis Malaysia (PSM) adalah satu parti politik rakyat Malaysia yang berasaskan prinsip dan ideologi sosialisme yang bersifat Perjuangan Rakyat berteraskan keadilan sosial dan ekonomi; bagi mewujudkan masyarakat demokratik yang aman, makmur, maju, berakhlek mulia dan saksama. Ia berjuang untuk memenuhi keperluan asas rakyat dan membebaskan rakyat daripada sebarang bentuk penindasan dan pemaksaan.

Bendera dan Lambang

Lambang parti ialah genggaman tangan kiri yang melambangkan perpaduan rakyat dan semangat perjuangan. Merah melambangkan perjuangan dan putih melambangkan kesucian dan keikhlasan dalam perjuangan.



Matlamat PSM

- ★ Mengamalkan prinsip sosialisme sebagai cara hidup.
- ★ Mempertahankan masyarakat demokratik dan progresif yang mengutamakan kerohanian, kemanusiaan dan keadilan sebagai asas ke arah pembangunan.
- ★ Memastikan strategi pembangunan yang mewujudkan hubungan seimbang antara keperluan sosial dan ekonomi di peringkat individu, masyarakat dan nasional.
- ★ Mengagihkan kekayaan secara adil dan saksama, Melaksanakan sistem sosioekonomi yang mempunyai mekanisme dalaman untuk menghalang penindasan dan sifat tamak.
- ★ Memberi peluang kepada rakyat berbilang kaum, jantina, agama, usia, pekerjaan dan menyertai proses mewujudkan persefahaman yang lebih jitu di kalangan kaum, agama dan budaya.
- ★ Mengukuhkan hak asasi manusia pada setiap peringkat masyarakat dan mendedahkan sebarang bentuk penindasan, nepotisme, hipokrasi dan kepaluan.
- ★ Menghormati Perlembagaan Persekutuan yang menekankan kepada hak demokratik dan toleransi bahasa, budaya dan agama.
- ★ Menjamin kebebasan bersuara, berpersatuhan dan kecapaian intelektual memberi keutamaan dalam tanggungjawab sosial terhadap kebajikan pekerja dan keluarga menjaminkan hak pekerja untuk menubuhkan kesatuan pekerja memberi keutamaan institusi kekeluargaan khususnya kepada wanita yang mengandung, bayi, kanak-kanak, wargatus dan mereka kurang keupayaan.
- ★ Memastikan tidak berlaku penindasan dan diskriminasi di semua peringkat bagi sektor perindustrian dan pertanian.
- ★ Mewujudkan rasa saling menghormati, memahami dan tolak ansur di kalangan semua agama dan budaya.

★ Menyediakan peluang pendidikan percuma di semua peringkat dengan mewajibkan pendidikan di peringkat rendah dan menengah.

★ Memastikan penyertaan guru dan pelajar dalam proses menentukan haluan sistem pendidikan nasional.

★ Melindungi alam sekitar daripada pencemaran dan pembinasaan.

★ Mengurangkan biroksasi dan menghapuskan karenah biroksasi yang mengekang pembangunan.

Mengapa Kita Perlu Satu Parti Sosialis?

Sistem yang ada kini telah gagal membawa kesejahteraan kepada rakyat yang majoriti.

Sistem kapitalis ini hanya mengutamakan segelintir kecil masyarakat.

Untuk menumbangkan sistem kapitalis ini perlu ada sistem Sosialis yang lebih mementingkan aspek kemanusiaan, keadilan dan pengagihan kekayaan.

Parti Sosialis ini adalah untuk membela nasib majoriti rakyat iaitu para pekerja kilang, petani, nelayan, pekerja ladang, peniaga kecil, orang Asli, pelajar, pekerja semi-profesional dan sebagainya.

Masalah rakyat bukan di antara orang Melayu, Cina dan India atau di antara orang Islam dan bukan Islam. Tetapi orang kaya dan miskin. Kekayaan negara dimiliki dan dibolot oleh segelintir kecil masyarakat, anak dan kroni mereka. Manakala rakyat yang majoriti masih belum menerima bahagian.

Parti Sosialis lebih mementingkan isu-isu asas rakyat seperti pekerjaan, rumah, tanah, alam sekitar dan sebagainya. Parti Sosialis akan menyatukan tenaga semua golongan pekerja untuk mempertahankan hak kita.

Parti Sosialis Malaysia (PSM) adalah sebuah parti yang lahir dari perjuangan rakyat akarumbi di kilang, ladang dan kawasan miskin kota. Parti ditubuhkan sebagai alat untuk kaum pekerja dan golongan berpendapatan rendah dan menengah untuk hak mereka. PSM meneruskan perjuangan menentang rasuah, penyelewengan dan perkauman golongan yang memerintah. Selagi penindasan rakyat ada, perjuangan ini akan berterusan.

Alamat ibupejabat PSM:

Parti Sosialis Malaysia
140A, Jalan Sultan Abdul Samad,
Brickfields, 50470 Kuala Lumpur.
Tel/Faks: 03-22762247
Email: pusat@partisosialis.org
Laman web: http://partisosialis.org/

Untuk sumbangan,
sila buat cek atas nama:
Parti Sosialis Malaysia
No. Akaun Maybank: 512080337313



PSM adalah anggota kepada **Gabungan Kiri**, satu usahasama antara kumpulan dan individu dalam membina gerakan kiri sebagai alternatif untuk masyarakat Malaysia.
<https://gabungankiri.wordpress.com/>

DARI MEJA PENGARANG

Senario politik Malaysia baru-baru ini sudah menjadi semakin "menarik" tetapi juga agak mengecewakan. Pakatan Harapan telah memuktamadkan barisan kepimpinannya, logo dan juga perkara yang akan dilaksanakan dalam tempoh 100 hari pertama jika menang, tetapi masih timbulnya pelbagai kemusykilan kerana bekas Perdana Menteri Mahathir Mohamad nampaknya amat mendominasi dalam barisan kepimpinan gabungan parti-parti pembangkang utama yang berhasrat untuk mengambil alih kuasa pentadbiran di Putrajaya.

Isu dengan Mahathir bukan disebabkan hanya seorang sosok yang sudah berusia, tetapi fahaman dan politik di belakangnya. Ramai yang inginkan perubahan menyeluruh kepada sistem politik dan sosio-ekonomi di negara kita amat tidak yakin bahawa puak Mahathir dapat membawa apa-apa perubahan yang bermakna, walaupun golongan elit politik pembangkang aliran utama menaruh sepenuh kepercayaan kepada Mahathir untuk menang dalam PRU-14.

Melawan dan menggantikan rejim UMNO-BN yang penuh dengan korupsi, penyelewengan kuasa dan kezaliman, memang adalah perjuangan yang penting untuk rakyat Malaysia. Perubahan rejim pemerintahan boleh membuka ruang yang lebih besar untuk kita memajukan perjuangan rakyat untuk demokrasi dan keadilan sosial.

Namun, kita tidak boleh pisahkan perjuangan menukar rejim UMNO-BN daripada perjuangan rakyat menentang sistem sosio-ekonomi

kapitalis yang mengkayakan golongan teratas yang kaya dengan terus memiskinkan rakyat miskin di bawah. Dua perjuangan ini adalah serentak, tiada satu lebih penting daripada yang satu lagi, ataupun perlu lakukan satu dulu dan yang satu lagi kemudian. Jika agenda perubahan rejim tidak berpandukan agenda pembebasan rakyat daripada sistem sosio-ekonomi yang memeras dan menekan rakyat biasa, maka ianya hanya agenda politik elit untuk berkuasa, bukannya agenda pembebasan rakyat.

Menggantikan cola-cola dengan pepsi, adalah berbeza sama sekali dengan membebaskan air minuman daripada gula dan bahan kimia sintetik.

Dengan rejim UMNO-BN di bawah kepimpinan Najib Razak semakin hari semakin merosakkan negara kita, mungkin ramai rakyat Malaysia terdesak untuk menukar kerajaan. Namun, kita perlu sedar bahawa, perubahan yang sebenarnya hanya berlaku apabila imbangan kuasa antara kelas atasan dengan rakyat bawahan berubah dengan hebatnya. Perubahan kepada imbalan kuasa ini hanya berlaku apabila rakyat semakin sedar dan sanggup bertindak untuk mengubah nasib mereka. Jika kita hanya tergesa-gesa bekerjasama dengan puak oportunist yang berasal daripada rejim yang sama, bahayanya adalah usaha untuk membangunkan kuasa rakyat akan terbantut dan akhirnya apa ju perubahan yang berlaku pun, tidak akan mendatangkan faedah kepada rakyat biasa dan tidak memajukan perjuangan rakyat untuk sebuah masyarakat yang lebih baik. ##

Langganlah Akhbar Sosialis Sekarang!

■ Jika anda mahu **AKHBAR SOSIALIS** dipos terus kepada anda,
■ maka anda boleh berlanggan terus dengan kami.

■ Harga solidariti (termasuk harga setem) RM25 setahun (12 keluaran akhbar SOSIALIS Bahasa Melayu)

■ Nama: _____

■ Alamat: _____

■ _____

■ Telefon: _____

■ Faks: _____

■ Cek / Wang Pos / Draf Bank atas nama **PARTI SOSIALIS MALAYSIA**

■ Hantar kepada **Parti Sosialis Malaysia**

■ 140A, Jalan Sultan Abdul Samad, Brickfields

■ 50470 Kuala Lumpur

■ Tel/Faks: 03-22762247

■ Laman web: <http://partisosialis.org/>

Barisan kepimpinan pusat PSM 2017-19



Parti Sosialis Malaysia (PSM) telah mengadakan pemilihan untuk Jawatankuasa Pusat Parti dalam Kongres Nasional PSM yang berlangsung pada 14-16 Julai lalu di Seremban. Delegasi-delegasi Kongres telah mengundi untuk memilih Jawatankuasa Pusat PSM yang akan berkhidmat untuk penggal 2017-2019.

Berikut adalah barisan pimpinan Jawatankuasa Pusat PSM yang dipilih secara demokratik dalam Kongres kali ini:

Pengerusi: Dr. Nasir Hashim
Timbalan Pengerusi: M. Sarasvathy
Setiausaha Agung: Sivarajan Arumugam
Timbalan setiausaha Agung: Bawani KS
Bendahari: Soh Sook Hwa
Timbalan Bendahari: T. Simon

AJK pusat:

1. S. Arutchelvan
2. Dr. Jeyakumar Devaraj
3. Choo Chon Kai
4. Khairul Nizam Abd Ghani
5. Panneer Selvam Varathan
6. Sivaranjani Manickam
7. Mohanarani Rasiah
8. Afandi Ahmad
9. Wan Zamzahidi Wan Zahid



PSM sokong pekerja TESCO tubuh kesatuan

Ahli-ahli PSM dari beberapa cawangan telah giat mengedarkan risalah di pasaraya-pasaraya Tesco untuk menggalakkan pekerja-pekerja Tesco supaya mengundi untuk kesatuan. Satu pengundian tuntutan pengiktirafan kesatuan sekerja diadakan pada 18 Julai lalu. Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Perdagangan hanya boleh mendapat pengiktirafan untuk mewakili pekerja-pekerja Tesco jika lebih 50% pekerja mengundi untuk jadi ahli kesatuan. PSM menyokong usaha mulia pekerja-pekerja Tesco untuk menubuhkan kesatuan di tempat kerja mereka bagi mempertahankan hak pekerja.



"Sosialisme tanpa demokrasi adalah sosialisme dalam bayangan, sama seperti demokrasi tanpa sosialisme adalah demokrasi yang palsu. Negara demokratik adalah satu-satunya bentuk sesuai untuk masyarakat disusun atas dasar sosialis." - Wilhelm Liebknecht



PSM Sungai Siput sokong OA Pos Piah

Pasukan Pusat Khidmat Parlimen Sungai Siput telah mengiringi wakil-wakil Orang Asli Pos Piah ke Pejabat Hutan Daerah Kuala Kangsar pada 24 Julai lalu. Mereka telah menyerahkan sepucuk surat kepada Pejabat Hutan Daerah memohon agar diberi satu tarikh bagi mengadakan mesyuarat. Ia bertujuan bagi membincangkan masalah pembalakan di Pos Piah. Wakil orang asli telah meminta agar mesyuarat diadakan di Kampung Kembok melibatkan semua penduduk dengan pihak Pejabat Hutan dan Kerajaan Negeri. Dalam surat itu juga meminta agar kerja-kerja pembalakan dihentikan sehingga perbincangan diadakan. Perkara yang sama juga dipohon kepada pihak polis agar

menasihati pihak pemaju melakukan sedemikian seperti dalam laporan polis yang telah dibuat selepas itu.

Apabila ditanya kepada komrad Najib, wakil orang asli tentang mengapa mereka membantah projek pembalakan ini, dia menjawab, "Kami sayang hutan. Kalau orang asli mahu pembangunan, lebih baik keluar ke bandar saja. Jangan bawa pembangunan ke hutan. Hutan tak patut dimusnahkan. Kalau hutan musnah, sumber makanan terjejas, bencana akan berlaku."

Ayah kita beri sokongan moral dan solidariti semampu mungkin kepada pejuang-pejuang hak tanah adat orang asli. ##

Bawani dilarang masuk ke Sarawak

Bawani KS, Timbalan Setiausaha Agung Parti Sosialis Malaysia (PSM), telah dihalang oleh pihak Jabatan Imigresen Sarawak daripada memasuki negeri Sarawak apabila beliau mendarat di Lapangan Terbang Kuching pada 29 Julai lalu.

Bawani mengunjungi Kuching untuk menghadiri satu majlis perkahwinan rakannya. Sebelum bertolak ke Sarawak, Bawani telah mengesahkan status perjalannya dengan Pejabat Imigresen di Ipoh bahawa tiada halangan untuknya pergi ke mana-mana. Namun, selepas tiba di Lapangan Terbang Kuching, Bawani telah dilarang masuk oleh pihak Imigresen Sarawak dengan alasan "arahan Kerajaan Negeri Sarawak sejak tahun 2016".

Kerajaan Negeri Sarawak telah melarang ramai aktivis politik dari Semenanjung Malaysia untuk masuk ke negeri tersebut. S. Arutchelvan, AJK Pusat PSM, juga pernah dilarang masuk di Miri pada 12 Mei 2016. Tindakan Kerajaan Negeri Sarawak menghalang aktivis daripada melawat negeri tersebut merupakan satu tindakan yang angkuh dan mencabuli hak untuk kebebasan bergerak warganegara Malaysia. ##



Solidariti bersama Venezuela



Ahli-ahli PSM telah menghadiri satu sesi perbincangan terbuka tentang pilihanraya Perhimpunan Perlembagaan Venezuela yang diadakan di Kedutaan Venezuela pada 20 Julai lalu. Wakil Kedutaan Venezuela telah melaporkan perkembangan terkini dan ancaman yang dihadapi negara tersebut. PSM telah menyampaikan sokongan solidariti kepada rakyat Venezuela yang cuba mempertahankan Revolusi Bolivar daripada ancaman puak berhaluan kanan.

Mengapa PSM tidak mahu bersama Mahathir?

oleh Arutchelvan

Ramai orang salah faham atau buat tidak faham apabila PSM menentang Mahathir Mohamad. PSM menolak Mahathir bukan kerana kami suka bermusuhan, suka balas dendam, tidak tahu memaafkan orang, sudah makan dedak Najib, atau sebab-sebab lain yang cuba digambarkan oleh mereka yang tidak suka dengan posisi PSM.

Sebenarnya, orang yang menentang PSM tidak ada hujah lain seperti PSM sebuah parti korup, tidak berprinsip, tamak, skandal seks dan sebagainya.

PSM hanya bertanding kurang daripada 3% kerusi Parlimen dan 3% kerusi DUN di seluruh negara, maka 97% kerusi bukan di bawah sebarang pengaruh kami. Maka, tuduhan kami akan pecahkan undi dan lain-lain hanyalah untuk mereka yang tidak faham matematik.

PSM menentang Mahathir kerana pegangannya dan posisinya dalam pelbagai isu. Sistem dan institusi yang penuh dengan kepincangan yang dibawa oleh Mahathir kini disempurnakan lagi oleh budak didikannya yang bernama Najib. Antara isu-isu yang menjadi warisan zaman Mahathir adalah:

- i. Isu penswastaan kemudahan awam, pembukaan tol kepada syarikat UMNO dan lain-lain lagi.
- ii. Penggunaan undang-undang zalim seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, dan sebagainya.
- iii. Isu dan pendirian perkauman.
- iv. Isu hak pekerja dihakis, enggan melaksanakan gaji minimum, kesatuan sekerja dilemahkan.
- v. Penahanan musuh politiknya, termasuk penahanan Anwar Ibrahim,



Lim Kit Siang, Karpal Singh, Dr. Nasir Hashim dan ramai lagi.

- vi. Melemahkan institusi kehakiman, perundangan, polis dan sebagainya.
- vii. Sistem yang mendukung kroni-kroni dan menyelamatkan (*bailout*) syarikat milik anaknya – isu Perwaja, Forex dan sebagainya.
- viii. Projek IC dan sebagainya.

Rakan seperjuangan kami dalam menentang semua isu ini dulu adalah DAP, PKR dan lain-lain. Adakah posisi mereka dalam semua perkara di atas kini sudah berubah? PSM masih berpendirian bahawa posisi kami dulu dan sehingga sekarang masih sama.

Namun sehingga hari ini, Mahathir tidak pernah mengatakan bahawa beliau bersalah dalam mana-mana satu isu di atas dan tidak pernah sekali dalam ratusan sidang akhbar atau ceramahnya mengatakan beliau sudah insaf atau meminta maaf. Beliau hanya berkata bahawa beliau silap memilih Najib, sebagaimana

beliau silap memilih Abdullah Badawi.

Sekarang beliau dianggap sebagai orang yang paling berpengaruh (*Top Dog*) untuk Pakatan Harapan. Adakah ini bererti semua posisi yang diambilnya dulu betul?

Pembangkang aliran utama hari ini tidak mahu memfokus kepada isu-isu besar dan hanya mahu melawan isu peribadi Najib dan cincin Rosmah. Mereka fokus pada 1MDB, walaupun isu penting, tetapi seperti mana kajian Rafizi, ini bukan isu terbesar dalam kepala ramai rakyat Malaysia. Bagi pembangkang aliran utama hari ini, jika pemimpin teratas dibuang, semua di bawah akan jadi betul. Ini tidak beza dengan kempen menentang Mahathir dulu.

PSM menentang Najib dan Mahathir atas sebab yang sama. Mereka mendukung sistem yang sama. Adakah Pakatan Harapan akan bercerai daripada sistem ini atau

adakah Mahathir sendiri sudah buat "U-turn"? Sehingga sekarang, Mahathir masih tegas dengan pendirian dulunya walaupun memimpin-pimpin pembangkang aliran utama lain mengatakan pelbagai alasan mengapa kita perlu sokong Mahathir sekarang.

PSM tidak buat sebarang U-turn, Tai-chi atau silat lidah. Kami terus berjuang untuk isu seperti Tabung Pemberhentian Kerja; menentang sistem kontrak; mendesak untuk pendidikan dan hospital yang percuma; membela nasib peneroka bandar, Orang Asli, pekerja ladang, petani dan sebagainya.

Kami tidak pernah meluangkan masa kami mengutuk keperibadian Mahathir, Lim Kit Siang, Lim Guan Eng, Hadi Awang, Rosmah Mansor, Najib Razak, Mohamad Sabu dan lain-lain. Kami juga tidak pernah memainkan isu pekauman dan agama untuk jadi popular. Politik kami adalah memajukan aspirasi rakyat majoriti dan pelbagai isu harian mereka seperti isu gaji, perumahan, pengangguran, kesihatan dan lain-lain.

Kami hanya mampu membawa idea baru, nafas baru dalam udara yang tepu dengan politik kolot. Kami memilih untuk melawan institusi, politik dan sistem sekarang yang dibawa oleh Najib. Malangnya, kami tidak dapat melihat Mahathir sebagai penyelamat kerana beliau adalah sebahagian daripada sistem yang penuh dengan kepincangan ini! ##

Bagasi politik Mahathir boleh hancurkan unsur reformasi dalam Pakatan Harapan

(Berikut adalah penjelasan daripada Dr. Jeyakumar Devaraj mengenai hujah-hujah yang disampaikannya dalam forum yang bertajuk "Mahathir: Agen Perubahan atau Agen Pemusnah?" pada 25 Julai lalu.)

Apa yang saya cuba sampaikan dalam forum pada 25 Julai lalu adalah:

1. Sokongan masyarakat Melayu luar bandar untuk Pakatan telah merosot antara Pilihanraya Umum (PRU) 2008 dan 2013.

2. Kajian saya membuktikan kadar kemiskinan di masyarakat luar bandar adalah tinggi. 85% daripada keluarga di kawasan perkampungan luar bandar di Sungai Siput berpendapatan isi rumah di bawah RM 2000 sebulan. Mereka khawatir bahawa subsidi dan bantuan yang

diperoleh sekarang akan dikurangkan jika Kerajaan BN digantikan.

3. Saya telah mengadakan sesi perbincangan meja bulat dengan ahli-ahli parliment daripada Pakatan berkaitan isu ini, dan menjemput mereka supaya menujuhkan satu pasukan petugas (*task force*) untuk turun padang dan menggariskan polisi-polisi untuk menangani isu ini. Tetapi, ahli-ahli parliment Pakatan lebih suka memainkan isu 1MDB, cincin dan DOJ.

4. Itulah sebabnya pembangkang sekarang terpaksa bergantung pada Dr. Mahathir untuk menyakinkan masyarakat kampung.

5. Ini menunjukkan kelemahan pembangkang dalam turun ke akar umbi untuk berinteraksi dan memperkasakan rakyat.

Pembangkang tidak berupaya membawa reformasi yang mendalam.

6. Puak Mahathir dengan bagasi mereka - ideologi, politik wang, sikap elitis dan sebagainya - akan terus menghancurkan unsur-unsur reformasi yang masih wujud dalam Pakatan Harapan.

7. Kita sebagai rakyat Malaysia yang inginkan reformasi tulen dalam ekonomi dan pentadbiran negara ini tidak boleh harapkan Pakatan lagi. Kita kena membina satu alternatif di luar Pakatan Harapan. Ini adalah perjuangan jangka masa panjang. Kita perlu berdebat tentang sistem kesihatan, pendidikan, pengurusan hutan, tenaga dan sebagainya supaya dapat menggubal polisi-polisi yang pro-rakyat dalam sistem ekonomi global yang berat sebelah pada segelintir kecil syarikat gergasi

MNC.

8. Bagi jangka masa yang pendek - sampai PRU-14 - kita hanya ada 2 kemungkinan untuk hasil pergolakan politik terkini:
(a) BN menang dengan majoriti 2/3.
(b) BN menang tetapi tanpa mendapat majoriti 2/3.
Pada saya, hasil (b) adalah lebih baik untuk kita semua. Oleh itu, kita harus sokong Pakatan Harapan dalam PRU-14, walaupun kita sedar mereka tidak sanggup membawa reformasi yang kita mahu.

Itulah posisi yang saya cuba sampaikan. Jika sesiapa hanya memetik sebahagian daripada perkara 4 dan perkara 8 dalam hujah-hujah di atas, maka boleh memberikan satu gambaran yang jauh berbeza daripada apa yang ingin saya bentangkan. ##

Peneroka GATCO diancam lagi

Peneroka-peneroka Gatco telah menyerahkan satu memorandum kepada Polis Di-Raja Malaysia (PDRM) di Bukit Aman, Kuala Lumpur, pada 27 Julai lalu. Para peneroka menuntut pada pihak Bukit Aman untuk mencampurtangan dan menyiasat salahguna kuasa oleh pihak polis Negeri Sembilan. Polis Negeri Sembilan disyaki bersubahat dengan pihak pemaju swasta Thamarai Holding Sdn Bhd (syarikat milik Lotus Group) dalam isu pencerobohan tanah peneroka Gatco.

Peneroka Gatco ditahan

Pada 18 Julai lalu, 28 orang penduduk Kampung Gatco, Negeri Sembilan, telah dituduh polis semasa mereka cuba menghalang pihak pemaju yang menceroboh dan mengangkut keluar pokok getah dari kawasan tersebut.

Pada awalnya, pihak polis mendapat perintah reman 3 hari daripada Majistret Bahau, tetapi penduduk yang ditahan telah dibebaskan selepas 2 hari, iaitu pada 20 Julai, setelah Mahkamah Tinggi Seremban memutuskan untuk mengetepikan reman tersebut selepas semakan kehakiman.

Beberapa hari selepas itu, pada Julai lalu, peneroka-peneroka Gatco ditahan oleh polis sekali lagi kerana cuba menghalang lori yang mengangkut keluar pokok getah dari kawasan mereka. Namun, 30 orang peneroka yang ditahan pada hari itu dibebaskan pada waktu malam selepas diambil keterangan.

Latar belakang perjuangan peneroka Gatco

Peneroka-peneroka yang menetap di Kampung Gatco berasal dari ladang-ladang di seluruh Semenanjung Malaysia. Kebanyakan mereka telah berhijrah ke Kampung Gatco dengan harapan bahawa generasi sekarang (generasi yang ketiga) akan menikmati satu kehidupan yang lebih stabil dari segi punca pendapatan.

Kebanyakan penduduk Kampung Gatco mula menetap di kampung ini sejak tahun 1970-an dalam satu projek yang diusahakan oleh Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Ladang (NUPW), iaitu Sugarcane Small Holder Settlement Scheme 1975. Anak syarikat NUPW, iaitu Gatco (The Great Alioniers Trading Corp Bhd) ditubuhkan untuk menjalankan dan mengawasi projek tersebut.

NUPW telah menyewa tanah seluas 4932.52 ekar yang asalnya hutan lebat untuk 66 tahun, iaitu bermula dari 1 Januari 1977 daripada kerajaan negeri di bawah PKNNS. Tebu ditanam sebagai pertanian komoditi yang utama disebabkan terdapat kilang gula NS berdekatan. Penduduk kampung membayar sebanyak RM 7,600 pada 1977 (iaitu satu nilai yang



tinggi pada masa itu), di mana RM 2,600 sebagai wang pendahuluan untuk satu ekar tanah, pembinaan rumah dan infrastruktur di kawasan perumahan, dan kemudiannya dibayar lagi wang sebanyak RM 5,000 sebagai wang pendahuluan untuk membersihkan hutan, infrastruktur serta penanaman tebu bagi 10 ekar tanah setiap orang.

Namun, malangnya Syarikat Gula N.S. telah muflis serta terpaksa tutup kerana mengalami masalah kewangan. Penduduk kampung mengalami satu situasi yang sangat getir pada masa itu. Pada masa itu, pihak NUPW dengan kadar pantas mengambil pinjaman kewangan bank sebanyak RM 15 juta daripada United Asian

Bank Berhad untuk penanaman semula getah. Tanah yang sepatutnya dimiliki penduduk telah berkurangan daripada 10 ekar kepada 8 ekar seorang di bawah satu perjanjian baru yang dibuat pada 26 April 1983.

Disebabkan ketidakcekapan pentadbiran, sekali lagi projek getah ini juga gagal. Kegagalan yang terbesar apabila beberapa pihak mengisyiharkan Projek Gatco muflis disebabkan syarikat tersebut tidak bayar upah kepada kontraktor, iaitu sebanyak RM 135,000. Penduduk Gatco kemudian membawa kes ini ke mahkamah pada tahun 1985. Pihak bank yang meminjam kewangan untuk penanaman semula getah melantik The Great Alonioners Trading Corporation Berhad c/o Singam & Yong untuk menjual tanah ini. Pada 4 Disember 2003, satu lelongan awam telah dipanggil dengan kadar lelongan sebanyak RM16 iuta.

Pihak penduduk berjaya membayar sebanyak 2%, iaitu sebanyak RM 320,000 kepada pelikuidasi pada 18 Ogos 2004. Akan tetapi, pelikuidasi telah memberi tanah ini kepada satu syarikat korporat yang datang kemudian entah dari mana. Pada masa itulah syarikat yang bernama Thamarai Holdings Sdn. Bhd muncul dan seterusnya menyatakan mereka

adalah tuan tanah yang baru dan sah Peneroka Gatco dapat tahu bahawa penjualan tanah ini tidak dibuat melalui lelongan awam padahal dijual melalui perbincangan serta persetujuan secara peribadi.

Pihak penduduk kemudian memfailkan kes di Mahkamah Rayuan untuk mendapatkan hak mereka. Selepas beberapa perbicaraan, Mahkamah Rayuan telah mengetepikan segala keputusan yang dibuat terlebih dahulu dan menyatakan bahawa cara pembelian dan penjualan tanah ini tidak mengikut prosedur tepat serta mungkin mengandungi unsur penyelewengan. Justeru, pihak Mahkamah Rayuan memberi laluan kepada peneroka Gatco untuk memfailkan kes ini semula di Mahkamah Tinggi pada bulan Februari 2014. Sebelum penduduk Gatco memperolehi keputusan Mahkamah Rayuan, tiba-tiba PKNNS muncul bersama Thamarai Holdings Sdn. Bhd dan menceroboh tanah milik peneroka Gatco. Pencerobohan ini berlaku sehingga kini dan apabila mereka cuba menghalang pencerobohan ini, pihak polis serta Rela menganiaya penduduk di sana.

Ancaman terhadap tanah peneroka berterusan

Buat masa sekarang, keputusan pihak Mahkamah Rayuan pada bulan Februari 2014 telah pun memihak kepada peneroka Kampung Gatco, namun pihak pemaju giat menggunakan taktik kotor melibatkan Kerajaan Negeri Sembilan dan PKNNS, RELA, Polis serta samseng untuk menceroboh tanah usaha milik peneroka Gatco.

Sejak kebelakangan ini, atas nama PKNNS, beberapa jentolak telah memasuki kawasan ladang Gatco dan bergiat menebang serta memotong pokok getah yang ditanam oleh penduduk Gatco. Apabila peneroka Gatco cuba menghalang dan meminta dokumen yang sah untuk mereka bekerja di kawasan ini, pihak Polis dan Rela sering kali bersikap kasar dan menangkap peneroka Gatco.

Pihak polis dan RELA berat sebelah dan bertindak ganas

Pasukan Rela diberi tanggungjawab untuk menjaga kawasan tanah penebangan. Mereka diberi tanggungjawab (tidak tahu oleh siapa) untuk menjaga para peneroka daripada memasuki kawasan tersebut, malah juga tidak dibenarkan menggunakan jalan utama ke kebun peneroka sendiri. Mereka sering menggunakan kata-kata lucah, menghasut, dan bersikap kasar terhadap peneroka-peneroka wanita yang menggunakan laluan tersebut.

Beberapa kejadian pernah berlaku di mana pihak polis memberi kuasa kepada Rela untuk menahan dan menggarci. Beberapa insiden berlaku, apabila peneroka yang pulang dari kebun getah ditahan dan digari oleh pasukan Rela dengan kerjasama Polis dan membawa peneroka ini ke Balai Polis Air Hitam serta diugut akan dikenakan pelbagai tuduhan terhadap mereka. Beberapa orang peneroka yang ditangkap juga telah direman selama beberapa hari.

Mereka menangkap peneroka Gatco atas alasan peneroka ini menghalang dan menceroboh kawasan tanah milik PKNNS. Setakat ini, sebanyak 245 aduan polis telah pun dibuat ke atas Polis, Rela dan PKNNS bahawa mereka menceroboh tanah peneroka gatco kerana tiada dokumen dikemukakan yang menyatakan tanah ini milik PKNNS. Akan tetapi, sehingga kini tiada siasatan dijalankan ke atas aduan-aduan peneroka Gatco.

Satu insiden yang pernah berlaku adalah Ketua Balai Air Hitam, Sarjan Mejar Abu Bakar bertindak ganas dan cuba melakukan perbuatan lucah terhadap peneroka wanita dengan membuka zip seluar dan mengajak mereka tidur bersamanya.

Kejadian seperti ini sering kali berlaku pada peneroka Gatco sehingga punca pendapatan mereka terjejas dan terpaksa hidup dalam keadaan serba kekurangan. ##

Perubahan sosial tidak boleh disumberluarkan

"Penyumberluaran" (*outsourcing*) merupakan satu bentuk operasi ekonomi kapitalis sedunia yang berleluasa dalam 2-3 dekad kebelakangan ini. Demi mengurangkan kos, korporat besar menyumberluarkan operasi bisnes, proses pengeluaran, pengurusan faksiliti, pemasaran, jualan, khidmat pelanggan dan sebagainya kepada kontraktor atau subkontraktor. Di Malaysia, sejak zaman Mahathir, kerajaan telah giat menjalankan penswastaan terhadap perkhidmatan asas dan menyumberluarkan banyak perkhidmatan yang dibekalkan kerajaan kepada kontraktor swasta, misalnya perkhidmatan keselamatan dan pembersihan di sekolah kerajaan. Sistem penyumberluaran membolehkan korporat besar dan kontraktor yang mendapat kontrak mengaut lebih keuntungan, tetapi menyebabkan pembekal perkhidmatan yang sebenar, iaitu pekerja-pekerja yang diupah kontraktor, terpaksa berdepan dengan masalah seperti gaji rendah, ketiadaan perlindungan sosial dan ketiadaan jaminan kerja.

Selain penyumberluaran dalam ekonomi yang disebut di atas, adanya sejenis lagi penyumberluaran. Ini adalah "penyumberluaran politik". "Penyumberluaran politik", bermakna rakyat menyerahkan sepenuhnya proses membuat keputusan dan pentadbiran negara kepada "kontraktor politik", yang terdiri daripada elit-elit politik dan parti-parti politik yang bersaing untuk berkuasa supaya dapat mengekalkan sistem yang membolehkan penyumberluaran politik itu untuk terus wujud. Pemberian "kontrak" sumberluar politik berlaku setiap 4 atau 5 tahun, apabila berlangsungnya pilihanraya, di mana rakyat akan diberi peluang sekali-sekala dalam tempoh masa 4 atau 5 tahun untuk memilih kontraktor politik yang akan menguruskan segala perkara yang berkait dengan masyarakat umum selepas dipilih. Selepas pilihanraya, sehingga pilihanraya yang seterusnya, kontraktor politik yang dipilih itu seolah-olah diberi kuasa sepenuhnya untuk menentukan segala dasar yang mempengaruhi kehidupan rakyat jelata.

Apabila politik disumberluarkan dengan cara begini, wujudnya satu ilusi di kalangan rakyat, iaitu rakyat akan menganggap dirinya seperti majikan yang boleh memilih kontraktornya secara "bebas", dan menyerahkan segala kuasa membuat keputusan politik kepada kontraktor politik yang dipilih, dengan harapan kontraktor politik itu akan membuat keputusan yang paling baik untuk rakyat. Sikap begini terhadap politik, yang membolehkan sistem penyumberluaran politik kepada kontraktor politik untuk terus wujud, adalah salah satu faktor utama mewujudkan masalah-masalah seperti korupsi, penyelewengan dan ketidakadilan sosial.

Perubahan sosial bukannya projek yang boleh diberi kontrak kepada elit politik

Apabila masyarakat menghadapi krisis yang mendalam, tidak kurangnya rakyat yang mengharapkan bahawa akan

munculnya seorang wira atau penyelamat yang hebat, untuk menyelamatkan rakyat daripada krisis tersebut. Ini adalah sejenis mentaliti yang tertanam dalam minda rakyat apabila rakyat sudah biasa dengan sistem penyumberluaran politik. Rakyat tidak dapat merasakan diri mereka boleh menentukan nasib mereka sendiri, sebaliknya terpaksa bergantung kepada kontraktor politik yang dipilih mereka tanpa pilihan yang sebenar setiap 4 atau 5 tahun.

Jika anda berasih sangat baik, berkemungkinan anda akan dapat satu kontraktor politik yang amat berintegriti, efisien dan efektif, sehingga boleh melakukan tugas politik yang dimandatkan oleh rakyat, seperti menggantikan kerajaan yang lama, ataupun melaksanakan dasar-dasar yang berfaedah untuk rakyat, tetapi dalam keadaan mempunyai kontraktor yang begitu berintegriti dan baik pun, rakyat masih tidak dapat menguasai dan mengubah nasib mereka sendiri. Ini kerana kuasa untuk menggubal dasar dan mengurustadbirkan masyarakat masih tertumpu dalam tangan elit kontraktor politik. Rakyat masih tidak bebas, paling hebat pun hanya menjadi penyorak yang tiada kuasa untuk menentukan nasib sendiri, dan masih terus terasa dirinya tiada keupayaan untuk melibatkan diri dalam urusan masyarakat yang berkaitan dengan kehidupan harian mereka. Sifat kebergantungan rakyat kepada kontraktor politik menjadi asas kepada kewujudan pemerintahan yang zalim dan terus mengundang krisis yang mendalam kepada masyarakat.

Begini juga dengan perjuangan untuk perubahan sosial, kita tidak boleh bergantung kepada kontraktor politik yang menguar-uarkan janji-janji manis. Apabila kita menganggap perubahan sosial sebagai satu projek yang boleh disumberluarkan kepada kontraktor politik, maka bermakna kita melepaskan kuasa rakyat untuk menentukan nasib kita sendiri, sehingga membiarkan elit politik untuk mencaturkan, memperjudikan dan menggadaikan masa depan bersama masyarakat kita. Apabila perubahan sosial menjadi projek yang boleh disumberluarkan, pastinya ia akan jadi projek terbengkalai, jika tidak pun, hasilnya bukan sesuatu yang memenuhi harapan kita.

Rakyat itu protagonis

Walaupun buku sejarah rasmi biasanya akan cuba menonjolkan seorang dua pemimpin hebat sebagai protagonis (iaitu watak utama dalam sesuatu cerita), tetapi perubahan masyarakat sejak dulu sampai sekarang, bukannya terjadi kerana seorang dua pemimpin yang hebat, tetapi merupakan hasil pertembungan kelas dan penglibatan massa rakyat dalam proses perubahan sosial. Protagonis untuk perubahan masyarakat adalah massa rakyat.

Namun, dengan mengatakan rakyat itu protagonis ataupun asas kepada perubahan masyarakat, tidak bermakna pemimpin politik itu tidak penting. Hubungan antara pemimpin politik dan massa rakyat adalah



secara dialektik: seorang pemimpin yang sehebat mana pun tidak akan memperkembangkan pengaruhnya atau menyebarkan idea hebatnya, jika tiadanya sokongan

daripada massa rakyat yang terbentuk di bawah syarat-syarat masyarakat yang tertentu; begitu juga dengan kebangkitan massa rakyat yang sehebat mana pun, jika tiadanya pemimpin politik yang mampu mengemukakan visi politik yang jelas untuk memimpin gerakan rakyat supaya mara ke depan, gerakan massa rakyat itu barangkali tidak dapat ke mana-mana pun.

Pemimpin politik yang bervisi jelas dan progresif adalah penting untuk gerakan rakyat, tetapi gerakan rakyat tidak boleh sama sekali menyumberluarkan perjuangan pembebasan rakyat kepada pemimpin politik, menjadikan mereka kontraktor politik yang dianggap akan melakukan segala kerja-kerja perubahan masyarakat.

Perubahan sosial itu adalah satu proses: satu proses pembebasan rakyat yang tertandas melalui perjuangan yang berterusan dalam menentang segala penindasan; satu proses kesedaran di mana rakyat dapat memahami punca masalah masyarakat dan menyedari keupayaan diri mereka untuk berjuang secara bersama-sama dengan rakyat yang senasib untuk mengubah nasib mereka; satu proses politik untuk membina sebuah masyarakat yang lebih bebas, demokratik, adil dan sejahtera. Jika kita menyumberluarkan proses ini kepada kontraktor politik yang menjanjikan bulan dan bintang, hasilnya hanyalah menggantikan seorang penindas dengan seorang lagi penindas yang baru.

Perubahan sosial bukan sahaja perlukan pemimpin politik yang dapat menggariskan hala tuju perjuangan politik yang jelas dan berpegang kuat pada prinsip, tetapi juga lebih perlu lagi rakyat yang berkesedaran untuk berjuang dan berorganisasi dari bawah. Hanya adanya rakyat yang berkesedaran jelas untuk berjuang dan menyedari keupayaan untuk berorganisasi bersama dalam perjuangan, proses perubahan sosial itu dapat maju ke hadapan.

Namun, kesedaran rakyat itu tidak akan muncul secara tiba-tiba ataupun jatuh dari langit, ianya terbentuk dalam proses rakyat biasa melibatkan diri dalam perjuangan harian untuk menegakkan hak mereka dan kemudiannya dipertingkatkan kepada perjuangan sosial yang meluas.

Tiada jalan pintas untuk perubahan sosial

Perjuangan untuk demokrasi dan keadilan sosial, merupakan satu proses yang berpanjangan dan berterusan. Proses ini sentiasa berliku-liku kerana wujudnya pertembungan antara kuasa perubahan progresif dengan kuasa reaksi. Apabila imbalan kuasa berpihak pada kuasa yang progresif, agenda perubahan sosial dapat dipercepatkan, tetapi apabila

imbangan kuasa tidak berpihak pada kuasa progresif, maka kuasa reaksi yang cuba mengekalkan kekuasaannya akan mara untuk menghalangi pencapaian perjuangan rakyat. Golongan yang mendukung perubahan sosial yang progresif, pastinya akan berusaha untuk memperkuatkan kuasa yang progresif untuk menangkis ancaman golongan reaksi.

Dalam proses perjuangan untuk perubahan sosial, selalunya ada orang yang cuba mengambil jalan pintas, iaitu melepaskan usaha untuk membina kuasa rakyat yang sedar, hanya mengharapkan percaturan elit politik atasan untuk merampas kuasa. Jika berjaya mengambil alih kuasa pemerintahan melalui jalan pintas begini pun, tanpa asas kuasa rakyat yang kuat dan sentiasa berkesedaran untuk berjuang, hasil kemenangan itu akan mudah dihancurkan oleh golongan reaksi, ataupun golongan yang baru berkuasa yang sepatutnya progresif itu berkompromi dengan kuasa yang lama.

Perubahan sosial tiadanya jalan pintas. Jikalau ada jalan pintas pun, tidak semestinya ia akan membawa kita sampai ke destinasi kita untuk pembebasan rakyat dan perubahan sistem. Untuk memperkasakan kesedaran berjuang dan kuasa massa rakyat, kita perlu menjalankan pendidikan politik, kerja-kerja organisasi dari bawah dan penglibatan dalam perjuangan harian rakyat. Jika rakyat tidak dapat mengambil alih tugas perubahan sosial daripada tangan kontraktor politik yang cuba memonopoli proses ini, maka sehebat gerakan massa rakyat itu pun tidak akan dapat bergerak dengan lebih lanjut lagi, malah hasil perjuangan rakyat akhirnya hanya akan diculik oleh elit politik yang bersifat oportunistis.

Lihat pada gambaran besar

Apabila seseorang kontraktor politik yang mahu memonopoli perubahan sosial itu cuba menjual resipi politiknya, biasanya akan menyuruh orang ramai supaya "lihat pada gambaran yang besar", supaya menerima pilihan realpolitik yang sedia ada. Namun, kita perlu sedar bahawa "gambaran besar" yang cuba dibawa oleh kontraktor politik sebegini, tidak semestinya serasi dengan gambaran besar yang ingin kita capai.

Adakah kita hanya mahukan satu gambaran besar di mana seorang kontraktor politik yang menguasai kontrak pentadbiran negara untuk sekian lama digantikan dengan seorang kontraktor politik lagi, ataupun kita mahukan satu gambaran besar di mana rakyat dapat membawa perubahan sosial dengan keupayaan mereka sendiri? Gantikan coca-cola dengan pepsi dan bebaskan air daripada gula, adalah dua gambaran yang berbeza!

Dengan melihat pada gambaran besar untuk perubahan sosial yang benar-benar mewujudkan demokrasi sejati dan keadilan sosial, kita tidak boleh menyerahkan perjuangan perubahan sosial kepada kontraktor politik melalui penyumberluaran. Nasib kita tidak boleh disumberluarkan. Perjuangan rakyat tidak boleh dikontrakkan. ##

Sertailah Kesatuan Pekerja Kontrak Hospital Kerajaan

(Berikut ialah kenyataan yang dikeluarkan oleh P.Thillama, Setiausaha Agung Kesatuan Pekerja-pekerja Swasta Perkhidmatan Sokongan Di Hospital Kerajaan Semenanjung Malaysia, pada 30 Julai lalu, bagi menyeru pada pekerja-pekerja kontrak di hospital kerajaan untuk menyertai kesatuan tersebut.)

Sejak tahun 1997, Kerajaan Malaysia telah memperkenalkan sistem kontrak dalam perkhidmatan sokongan di hospital kerajaan di seluruh negara, dan memberikan konsesi untuk urustadbir sistem kontrak ini kepada beberapa syarikat besar. Amalan ini secara langsung dan tidak langsung telah mewujudkan masalah kepada pekerja-pekerja sokongan hospital dari aspek kebijakan, gaji, jaminan tempoh perkhidmatan dan pelbagai isu yang lain.

Di Malaysia, terdapat lebih kurang 148 buah hospital kerajaan, 665 buah klinik pergigian, 2836 buah klinik desa kesihatan dan 195 buah Klinik 1Malaysia. Secara keseluruhannya, terdapat lebih kurang 10 ribu tenaga kerja dalam sektor ini.

Justeru, untuk menjamin kebijakan dan hak pekerja-pekerja sokongan perkhidmatan ini, tercetusnya pandangan untuk menubuhkan kesatuan pekerja-pekerja sokongan dan seterusnya pekerja-pekerja berjumpa dengan Timbalan Pengarah Jabatan Hal-Ehwel Kesatuan Sekerja Negeri Perak.

Lebih kurang pada hujung bulan Disember 2015, semasa pihak pekerja berjumpa dengan Timbalan Pengarah Kesatuan Sekerja Negeri Perak, beliau memberitahu pada pekerja bahawa adanya sebuah kesatuan yang bernama "Kesatuan Pekerja-pekerja Swasta Perkhidmatan Sokongan Di Hospital

Kerajaan Semenanjung Malaysia" tetapi tidak aktif, maka menasihatkan pekerja-pekerja untuk mengambil alih urusan dan pentadbiran kesatuan ini.

Pekerja-pekerja bersetuju dan seterusnya menjalankan segala prosedur pengambilalihan menurut tatacara hal-ehwal kesatuan sekerja dan satu Jawatankuasa baru telah dilantik pada 28 Februari 2016 untuk mengurustadbir kesatuan ini.

Tujuan penubuhan Kesatuan ini antaranya adalah:-

1. Memajukan kepentingan pekerja dalam bidang perhubungan perusahaan, kemasyarakatan dan ilmu pengetahuan.
2. Mengatur hubungan antara pekerja dengan majikan, melaksanakan perhubungan perusahaan yang baik, meningkatkan daya pengeluaran, sukanan gaji yang adil dan sesuai, syarat-syarat pekerjaan yang berpatutan dan keselamatan pekerjaan.
3. Memajukan kebijakan ahli-ahli kesatuan dari segi sosial, kebendaan dan pendidikan menurut undang-undang.
4. Memberi bantuan guaman kepada ahli-ahli dan menganjurkan kursus, dialog, seminar dan sebagainya.
5. Memberi bantuan kepada ahli-ahli pada masa teraniaya atau semasa pertikaian kerja.

Skop keanggotaan ahli

Keanggotaan ahli Kesatuan ini terbuka kepada semua pekerja-pekerja Pengurusan Perkhidmatan Kejuruteraan Fasiliti, Biomedikal, Pembersihan, Pendobian dan Linen serta Pengurusan Sisa Klinikal, kecuali mereka yang digaji dalam jawatan Pengurusan, Eksekutif, sulit atau keselamatan.

Yuran masuk keahlian ialah RM 5.00 dan yuran bulanan hanyalah RM 3.00.

Masalah terkini

Sistem kontrak telah menimbulkan pelbagai masalah kepada pekerja-pekerja sokongan dan antaranya adalah:-

1. Tiada jaminan kerja di mana kontrak perkhidmatannya adalah mengikut tempoh bulanan (2-6 bulan), kemudian disambung mengikut budi bicara majikan. Ada pekerja juga diberikan tempoh perkhidmatan selama 2 tahun.
2. Apabila kontrak subkontraktor ditamatkan oleh majikan prinsipal, pekerja-pekerja ini diambil sebagai pekerja baru oleh sub-kontraktor baru dan segala faedah-faedah perkhidmatan juga akan dimulakan sebagai pekerja baru, sedangkan pekerja-pekerja ini masih bekerja di hospital yang sama dan tempat yang sama.
3. Selepas tamatnya tempoh perkhidmatan, ada pekerja-pekerja yang tidak disambung kerja mengikut budi bicara sub-kontraktor, dan hanya menerima faedah penamatan kerja yang amat rendah. .
4. Sistem kontrak ini menyebabkan sekatan pada hak asasi pekerja seperti kenaikan gaji, cuti tahunan, cuti sakit, bonus dan faedah-faedah lain.
5. Sistem kontrak ini juga menghalang pekerja-pekerja daripada mendapatkan pinjaman perumahan dari bank untuk membeli rumah kerana tiada jaminan kerja.

Jemputan menyertai Kesatuan

Jawatankuasa Kesatuan Pekerja-pekerja Swasta Perkhidmatan Sokongan Di Hospital Kerajaan Semenanjung Malaysia menyeru kepada semua pekerja sokongan perkhidmatan, pekerja-pekerja Pengurusan Perkhidmatan Kejuruteraan Fasiliti Biomedikal, Pembersihan, Pendobian dan Linen dan juga Pengurusan Sisa Klinikal, tanpa sebarang kebimbangan atau ketakutan, untuk menyertai dalam kesatuan ini.

Perkara 10(1)(c) Perlembagaan Persekutuan menjamin hak untuk menyertai persatuan. Seksyen 4 dan 5 Akta Perhubungan Perusahaan (APP) 1967 juga memperuntukkan jaminan hak pekerja. Seksyen 4 menjamin kebebasan kedua-dua belah pihak, iaitu tidak boleh ada campurtangan atau ancaman daripada pihak yang satu lagi berhubung hak untuk menubuhkan atau menyertai atau terlibat dalam aktiviti kesatuan pekerja.

Kesatuan ini telah melantik V. Pannerselvam dan A. Arjunan sebagai Pegawai Perhubungan Perusahaan, manakala K.S. Bawani dilantik sebagai penasihat undang-undang kesatuan ini untuk melicinkan perjalanan kesatuan.

Jom sertai kesatuan untuk menjamin hak semua pekerja di samping menjamin keharmonian perindustrian antara pekerja dengan majikan.

Untuk sebarang pertanyaan dan penyertaan dalam kesatuan ini, anda boleh menghubungi P. Thillama (Setiausaha Agung) melalui nombor talian 019-5456462, Senthilkumar (Pengerusi) 017-2943863, Wan Norizan (Timbalan Pengerusi) 017-5550334 dan Santhiran (Bendahari) 0111-6550773. ##

Kenapa pekerja kilang simen Tasek berpiket?

oleh M. Sarasvathy

Syarikat Tasek Corporation Berhad yang terletak di Kawasan Perindustrian Tasek, Ipoh, Perak telah beroperasi lebih 60 tahun. Lebih kurang 400 orang pekerja sedang bekerja di situ, termasuk lebih kurang 150 orang pekerja migran dari Bangladesh.

Syarikat ini mula mengadakan perbincangan dengan pekerja-pekerja kilang yang diwakili oleh Kesatuan Pekerja-pekerja Perusahaan Simen (S.M) mulai bulan Februari 2017 mengenai rancangan pengurangan pekerja. Pada masa itu, majikan memberi pelbagai alasan bahawa syarikat sedang mengalami kerugian dan tidak akan bertahan lama. Majikan juga tawarkan Skim Pemisahan Sukarela (*Voluntary Separation Scheme, VSS*) kepada pekerja pada masa itu. Lebih kurang 20 orang pekerja ambil tawaran ini dan berhenti kerja.

Akan tetapi, majoriti pekerja tidak bersetuju dan mahu teruskan kerja. Pada masa yang sama, Kesatuan Pekerja-pekerja Perusahaan Simen (S.M) juga mencadangkan kepada majikan untuk mengambil beberapa

langkah susulan mengikut Garis Panduan Pengurusan Pemberhentian Pekerja seperti berikut jika mahu melakukan pemberhentian dan juga sekiranya syarikat mahu tutup operasinya:

1. Membekukan pengambilan pekerja baru.
2. Menghadkan kerja lebih masa.
3. Mengurangkan waktu kerja harian.
4. Mengurangkan hari kerja.
5. Mengurangkan pekerja migran.

Selepas semua perbincangan, pihak syarikat tidak mengambil kira sebarang cadangan oleh Kesatuan Pekerja-pekerja Perusahaan Simen (S.M). Sekarang ini, secara tiba-tiba syarikat telah mengenalpasti lebih kurang 19 orang pekerja untuk diberhentikan. Pada 24 Julai lalu, seramai 10 pekerja mendapat surat pemberhentian kerja dan menurut maklumat ada lagi ramai pekerja akan diberhentikan kerja.

Majikan memberi alasan bahawa pekerja-pekerja ini dipilih untuk diberhentikan kerja kerana mereka malas di tempat kerja, tidak melaksanakan tugas dengan baik serta mengambil banyak cuti sakit. Ada di antara pekerja yang diberhentikan kerja telah bekerja lebih

35 tahun di syarikat Tasek Corporation Berhad.

Persoalan yang dibangkitkan oleh pekerja adalah, jika syarikat betul-betul mengalami kerugian, ia akan mengambil langkah-langkah teratur untuk menjalankan pemberhentian pekerja secara tahap demi tahap mengikut Garis Panduan Pengurusan Pemberhentian Pekerja. Pekerja juga mengutarakan soalan bahawa ada juga lebih 10 kakitangan bertaraf eksekutif, sudah lebih umur 60 tahun, masih bekerja dengan gaji yang lumayan, lebih RM 10,000 sebulan. Mengapa mereka tidak menjadi sasaran utama untuk diberhentikan kerja? Kenapa pekerja-pekerja muda yang amat bergantung pada pendapatan ini untuk menyara hidup mereka dipilih ataupun dijadikan mangsa majikan atas nama pengurangan pekerja (*retrenchment*).

Pihak Jabatan Perhubungan Perusahaan telah menghantar satu surat kepada pihak majikan dan juga pihak pekerja, yang diwakili Kesatuan Pekerja-pekerja Perusahaan Simen (S.M), untuk mengadakan

rundingan pada 26 Julai 2017.

Beberapa orang wakil Parti Sosialis Malaysia (PSM) yang turut hadir untuk memberi solidariti kepada pekerja-pekerja yang berpiket pada 24 Julai, membantah keras tindakan majikan Tasek Corporation Berhad dan menuntut untuk mengambil balik pekerja yang diberhentikan.

PSM bersolidariti dengan pekerja-pekerja Tasek Corporation Berhad dalam memperjuangkan hak mereka. PSM juga menyeru pada majikan Tasek Corporation Berhad supaya menghentikan segala intimidasi terhadap pekerja dan mengadakan dialog bersama Kesatuan Pekerja-pekerja Perusahaan Simen (S.M) untuk mencapai situasi "menang-menang" dalam menyelesaikan masalah ini. ##



Kongres Nasional PSM ke-19

Rakyat perlukan alternatif politik yang jelas ALTERNATIF KIRI, PILIHAN RAKYAT!

Kongres Nasional Parti Sosialis Malaysia (PSM) yang ke-19 telah diadakan pada 14-16 Julai lalu. Delegasi-delegasi yang hadir dalam Kongres telah bertekad untuk membawa alternatif kiri sebagai lembaran baru dalam senario politik tanah air.

Sejak PSM ditubuhkan pada tahun 1998, walaupun masih kecil dari segi keanggotaan dan organisasi, tetapi telah berkembang secara mampu untuk hampir 2 dekad yang lalu. Di bawah keadaan serba kekurangan, keanggotaan dan cawangan PSM bertumbuh secara perlahan. Dengan kemunculan puak Mahathir yang bersifat oportunistis sebagai pemimpin tertinggi dalam gabungan parti-parti pembangkang aliran utama, adalah menjadi lebih mendesak lagi untuk kita membina gerakan politik perubahan dengan halatuju yang lebih jelas dan berdasarkan kuasa rakyat dari bawah.

Daripada gerak-geri pihak pembangkang aliran utama baru-baru ini, amat nyata sekali bahawa mereka ketandusan kepimpinan yang jelas dan terpaksa kitar semula bekas diktator Mahathir supaya mengetuai perlawanan untuk menjatuhkan rejim UMNO-BN. Politik kiri menjadi semakin penting untuk ditawarkan sebagai alternatif kepada rakyat yang memperjuangkan demokrasi dan keadilan sosial.

PSM sentiasa perpandangan bahawa perlu wujudkan alternatif kiri untuk menentang dasar pro-kapitalis yang membiak ketidakadilan sosial dan rejim yang korup lagi zalim. Alternatif kiri diperlukan untuk membawa dasar-dasar yang membolehkan pengagihan kekayaan masyarakat secara adil dan demokrasi yang memperkasakan rakyat untuk menentukan nasib sendiri secara bersama.

Walaupun dari segi kekuatan organisasi, PSM masih belum lagi cukup menjadi kuasa yang ketiga selain UMNO-BN dan Pakatan Harapan dalam arena politik pilihanraya, tetapi dalam keadaan di mana masyarakat kita menghadapi cabaran hebat untuk memajukan perjuangan menuntut keadilan sosial, alternatif kiri menjadi begitu penting. Alternatif kiri yang mampu membuka mina rakyat tentang imaginasi yang melepas sistem politik pilihanraya "dua barisan", pastinya akan membantu dalam usaha rakyat membebaskan diri daripada penindasan dan pemerasan elit pemerintah.

Semasa menyampaikan ucapan pembukaan, M. Sarasvathy, Timbalan Pengurus PSM berkata, "PSM akan mengibarkan bendera di banyak kawasan dalam PRU-14 yang akan

datang ini. PSM sudah bersiap sedia untuk meletakkan calon di lebih banyak lagi kawasan pilihanraya." Sarasvathy juga menegaskan bahawa PSM tetap akan berjuang menentang kapitalisme demi mempertahankan hak dan kepentingan rakyat 99%. "Ini kalih PSM!" begitunya seruan Sarasvathy.

PSM telah mengumumkan 24 kawasan Parlimen dan DUN yang berkemungkinan akan diletakkan calon dalam PRU-14 semasa majlis perasmian Kongres kali ini.

Seperti tahun-tahun yang lepas, Kongres PSM tahun ini juga menerima mesej solidariti daripada organisasi-organisasi kiri di seluruh dunia, termasuk Socialist Alliance (Australia), Parti Anti-Kapitalis Baru (Perancis), SYRIZA (Greece), Parti Kiri (Jerman), Lembaga Informasi Buruh Sedane (Indonesia), Partido Lakas ng Masa (Filipina), Parti Pekerja Awami (Pakistan) dan sebagainya.

Dalam mesej yang disampaikan oleh Parti Kiri dari Jerman, "Perjuangan kiri pada masa kini adalah tidak mudah. Kita perlu menggabungkan kekuatan kita di peringkat tempatan, wilayah, nasional dan global. Kita perlu membina kerja-kerja hubungan awam yang profesional dan menggunakan media sosial secara berkesan, supaya suara kita dapat disampaikan, namun pada masa yang sama, jangan lupa juga berhubung secara nyata dengan rakyat yang nyata di jalanan. Kita perlu membangunkan idea-idea yang membawa cahaya dan harapan kepada rakyat yang hidup dalam dunia yang penuh dengan ketakutan. Ini akan menghabiskan banyak tenaga dan kesabaran, tetapi demi hasil dunia yang lebih baik dengan keamanan, keadilan dan kesamarataan, maka ia adalah berbaloi."

Dalam ucapan dasar Pengurus PSM, Dr. Nasir Hashim menegur pada ahli-ahli PSM tentang kepentingan untuk melengkapkan diri dengan ilmu terbaru. "Ilmu berkaitan rapat dengan usaha membaca, membincang, menulis dan melibatkan diri dalam kegiatan tertentu. Selagi kita tidak melakukannya selagi itulah pemikiran kita terus mundur, masih menggunakan pengalaman yang makin ketinggalan zaman. Akhirnya kita korbankan kesegaran dan dinamisme perjuangan Sosialisme," begitu katanya Dr. Nasir.

Sivarajan Arumugam, Setiausaha Agung PSM, membentangkan laporan aktiviti untuk setahun yang lepas, dengan menggariskan pencapaian dan penglibatan PSM



dalam perjuangan rakyat untuk setahun yang lepas, antaranya:

1. Kempen Tabung Pemberhentian Kerja.
2. Menyokong perjuangan Orang Asli di beberapa tempat seperti Lojing, Ulu Telom, Ledang dan Gua Musang.
3. Bantah Skim Pesakit Bayar Penuh di Hospital Kerajaan.
4. Menganjurkan persidangan meja bulat untuk merangka dasar komprehensif terhadap migrasi buruh untuk menangani isu berkaitan pekerja migran.
5. Perjuangan Gabungan Pemandu Lori Perak.
6. Penganjuran Himpunan Seribu Pejuang untuk meraikan perjuangan masyarakat akar umbi.
7. Membela pekerja kontrak sekolah kerajaan.
8. Kajian kemiskinan masyarakat luar bandar.
9. Kursus Kilat Marxism.
10. 79 orang yang didakwa kerana aksi bantah GST dilepaskan mahkamah.
11. Aksi perarakan Hari Bumi.
12. Menuntut Piagam Rakyat tentang Perjanjian Perdagangan Antarabangsa.
13. Penerbitan buku-buku seperti "Memperkasakan Rakyat: Analisa dan Perjuangan" oleh Dr. Nasir Hashim dan "Kaatu Perumal".
14. Penubuhan Unit PSM baru di Bagan Serai dan Kampar.
15. Menyokong aksi BERSIH 5.

Kongres kali ini amat kritikal untuk PSM kerana persoalan sama ada PSM bersedia untuk menyahut cabaran dan memenuhi vakum politik kini dibincang dengan terperinci bersama semua delegasi dan pemerhati Kongres. Bagi PSM, sebuah parti politik haluan kiri yang telah wujud hampir 20 tahun, peranan PSM dan kerelevan politik haluan kiri semakin penting dalam senario politik tanah air. Maka, Kongres sebulat suara membuat keputusan untuk menyahut cabaran dan mendidik rakyat supaya memahami polisi dan program alternatif kiri yang

ditawarkan oleh PSM.

Pada masa yang sama, sesi khas juga diadakan untuk menilai diri sendiri dan kekuatan cawangan PSM. Pelbagai perancangan dibuat untuk memperkasakan cawangan dan menambahkan keahlian selaras dengan visi memperkembangkan PSM sebagai alternatif kiri yang berwibawa.

Selain daripada dua fokus perbincangan di atas, Kongres Nasional ke-19 juga memutuskan perkara antaranya seperti berikut:

1. PSM ingin membangkit semula semangat Bandung, iaitu konsep kerjasama antara negara-negara Dunia Ketiga dalam melawan imperialisme seperti yang ditunjukkan dalam Persidangan Bandung tahun 1955. PSM akan bekerjasama dengan parti-parti dan organisasi kiri di rantau Asia Pasifik untuk mendiskusikan cadangan tersebut.
2. Organ parti akhbar Sosialis dalam bentuk online.
3. Kempen melawan perkauman dan rasisme.
4. Merangka cadangan polisi tenaga alternatif yang lestari dan selamat untuk Malaysia.
5. Kempen untuk mendesak Kerajaan Pusat dan Negeri menyediakan rumah yang benar-benar mampu milik untuk golongan marhaen.
6. PSM membentuk satu Biro Guaman khas untuk membantu dalam kes-kes perjuangan rakyat.

Kongres ke-19 di Seremban menjadi satu lagi titik bersejarah bagi PSM, apabila parti dengan beraninya memasuki gelanggang Pilihanraya Umum ke-14 dengan lebih ramai calon dan kerusi dengan visi membawa alternatif politik baru.

Para delegasi bertekad untuk bergerak dengan semangat baru membawa mesej politik kaum kiri kepada kawasan-kawasan kerja mereka. ##

Adakah PSM kacau undi?

Khairul Nizam Abd Ghani, AJK Pusat PSM, menjawab dalam satu posting facebooknya baru-baru ini, "PSM menawarkan pilihan alternatif kepada kelompok yang sudah bosan antara Coke dengan Pepsi. Tiada sesiapa yang kacau undi kelompok ini."

"Dalam satu-satu kawasan, walaupun bukan majoriti, tetapi terdapat

sejumlah besar pengundi yang bosan dengan memilih antara Coke dan Pepsi. Maka, selalunya mereka tidak mengundi (menempuh perjalanan, susun jadual, keluar duit dan sebagainya untuk mengundi Pepsi atau Coke). PSM bertanding sebagai alternatif kepada mereka, supaya mereka juga terlibat dalam demokrasi negara. Kelompok ini tahu

kemenangan tidak dijanjikan. Tetapi mahu prinsip mereka diterjemahkan melalui undi," ulas Khairul Nizam.

"Undi untuk apa yang PSM kacau? Undi untuk tukar kerajaan pusat? Pertama, lihat Pakatan Harapan bertanding sama sendiri di Sarawak. Siapa kacau undi? Kedua, kerajaan pusat tidak akan bertukar tanpa

Sarawak dan Sabah. PH 'tiada' di sana. Mahathir juga tidak mahu mengganggu Sabah dan Sarawak. Adakah kerana motifnya adalah Semenanjung? Supaya Najib turun? Bersatu boleh kembali ke pangkuhan UMNO semula?" begitu katanya Khairul Nizam.

PSM sebagai sebuah parti politik yang berdaftar, boleh bertanding di mana-mana tempat pun dalam pilihanraya umum. Sesuatu kawasan pilihanraya bukannya milik mana-mana parti dan pengundi-pengundi berhak menentukan siapa wakil rakyat mereka melalui pengundian dalam pilihanraya.

Walau bagaimanapun, PSM hanya bertanding di kawasan di mana parti bergerak aktif dan telah pun melakukan kerja-kerja. Menang atau kalah dalam pilihanraya, PSM tetap akan aktif buat kerja macam biasa. Namun, jika menang, kita akan mempunyai suara pro-rakyat yang lebih kuat dalam Parlimen atau DUN.

PSM cuba membawa alternatif baru kepada politik negara kita dengan menawarkan visi perubahan yang berlandaskan pemerkasaan rakyat marhaen, pengagihan semula kekayaan negara secara adil dan pembebasan masyarakat daripada penindasan yang berterusan. Dalam keadaan negara kita dilanda krisis politik dan ekonomi yang semakin serius, adalah mustahak untuk kita mewujudkan visi perubahan yang jelas, iaitu perubahan yang bukan sahaja menukar tampuk kepimpinan negara tetapi juga membawa perubahan kepada sistem yang penuh dengan kepincangan.

Alternatif kiri, pilihan rakyat!

"PSM menawarkan pilihan alternatif kepada kelompok yang sudah bosan antara Coca-cola dengan Pepsi. Tiada sesiapa yang kacau undi kelompok ini."

**Khairul Nizam Abd Ghani
AJK Pusat PSM**

Adakah bakal calon BN sedar tentang isu sebenar di Cameron Highlands?

(Berikut ialah kenyataan yang dikeluarkan pada 31 Julai lalu oleh Suresh Kumar Balasubramaniam, Setiausaha PSM Cameron Highlands yang juga merupakan bakal calon PSM untuk Kawasan Parlimen P078 Cameron Highlands.)



Suresh Kumar

Saya tersentak dengan pelbagai kenyataan akhbar dan posting di media sosial (Facebook dan Twitter) berkenaan bakal-bakal "calon" Barisan Nasional (BN) yang melawat merata tempat di Cameron Highlands dan mengaku bahawa mereka telah menolong dalam menyelesaikan banyak isu. Mereka juga menulis bahawa rakyat Cameron tertarik dengan gerak kerja mereka. Antara bakal "calon" ini termasuklah Tan Sri Kayveas (Presiden PPP), Dato Sivarajah (Ketua Pemuda MIC) dan Dato Mohana Muniandy (Ketua Wanita MIC). Tidak ketinggalan khabar bahawa UMNO Cameron Highlands mahukan kerusi Parlimen Cameron Highlands kerana lebih berwibawa dan sudah hilang kepercayaan terhadap MIC.

Kayveas pula "maju" selangkah ke depan dengan menerbitkan suratkhabar Tamil "Thai Mozhi" yang diedarkan secara percuma kepada semua sekolah Tamil di Cameron Highlands. Suratkhabar

ini hanyalah sekadar propaganda Kayveas sebagai bakal calon Parlimen Cameron Highlands dan beberapa mukasurat latihan untuk pelajar sekolah diselitkan untuk menghalalkan pemberiannya kepada pelajar sekolah Tamil di Cameron Highlands.

Jika bakal-bakal calon ini betul-betul peka terhadap isu rakyat di Cameron Highlands, bolehkah mereka menolong rakyat menyelesaikan masalah-masalah berikut di Cameron Highlands?

1. Jalan sehala Brinchang yang tidak mendapat persetujuan kebanyakannya penduduk di Brinchang.
2. Jalan sehala di hadapan Agro Bank, Tanah Rata yang ditentang oleh penduduk dan peniaga di situ.
3. Masalah penduduk B40 (40% keluarga berpendapatan paling rendah) yang tidak mampu memiliki rumah di Cameron Highlands.
4. Masalah banjir kilat di Ringlet, Brinchang, Tringkap dan Kampung Raja apabila hujan lebat.

5. Masalah pencerobohan tanah adat Orang Asli di Pos Terisu, Pos Betau, Pos Lenjang dan Pos Lanai.

6. Masalah tiada hakmilik kekal tanah untuk pertanian kecil (kurang dari 5 ekar untuk pekebun sayur dan kurang dari 50 ekar untuk penoreh getah).

Pemberian hamper tidak akan menyelesaikan masalah-masalah di atas. Fokus dan kerja-kerja khusus perlu dilakukan.

Sekali lagi, saya sebagai bakal calon PSM untuk kerusi Parlimen P078 Cameron Highlands ingin mengulangi cabaran kami kepada Kayveas, Sivarajah, Mohana Muniandy, calon UMNO dan mana-mana calon BN yang lain: KAMI SEDIA BERDEBAT TENTANG ISU-ISU CAMERON. Jom kita mulakan budaya yang sihat ini supaya pengundi di Parlimen Cameron Highlands dapat diberi pilihan untuk menentukan calon mana yang akan mereka undi. ##

Menuju masa depan tanpa bahan api fosil Kurangkan kebergantungan pada petroleum


oleh Sharan Raj

Pembakaran bahan api berdasarkan petroleum merupakan penyumbang kepada pencemaran dan perubahan cuaca yang drastik di dunia sehingga mengancam sektor pertanian dan kesihatan. Di kepulauan Pasifik, negara-negara kecil yang berada hanya beberapa kaki di atas paras laut dijangka tenggelam dalam jangka masa 5 dekad. Perlepasan karbon dioksida, nitrogen dioksida, karbon monoksida, sulfur dioksida serta debu telah menjadikan bumi sebuah "rumah hijau" yang memerangkap lebih haba matahari. Seiring dengan itu, kitaran cuaca terganggu menyebabkan banjir kilat, kemarau serta kerrosikan pertanian.

Walaupun isu pencemaran alam, khususnya kesan rumah hijau ini, telah dibincangkan sejak tahun 1970-an lagi, namun tiada langkah yang kukuh diambil oleh Kerajaan Malaysia untuk mengurangkan kebergantungan petroleum dalam kehidupan harian rakyat Malaysia. Malah, Kerajaan Malaysia lebih minat memberi subsidi kepada industri dan pengguna petroleum sehingga petroleum menjadi sebatи dengan kehidupan Malaysia untuk menyelamatkan keuntungan kapitalis-kapitalis petroleum yang lebih dikenali sebagai "Kebab Petroleum" (*The Petroleum Club*) yang berpusat di Menara Berkembar Petronas di ibu negara. Bagaimana kebergantungan ini dapat dikurangkan?

1. Peralihan kepada "Dapur Induksi" (*Induction Stove*)

Dapur Induksi beroperasi menggunakan tenaga elektrik serta lebih efisien berbanding dengan dapur gas yang juga berbahaya. Namun, ahli "*The Petroleum Club*" akan berhujah mengatakan tiada perubahan kerana elektrik dijana daripada sumber petroleum. Namun, kadar keefisienan dapur induksi mampu mengurangkan pembaziran tenaga dan karbon yang agak signifikan. Di samping itu, stesen jana kuasa adalah jauh lebih efisien dalam pembakaran bahan api berbanding dapur gas. Kos penjimatan sebanyak 80% dengan penggunaan dapur induksi berbanding gas akan menambahkan kebolehan membeli (*purchasing power*) setiap keluarga.



Namun, kos untuk membeli dapur induksi (2 periuk) berada dalam lingkungan RM 1,000 hingga RM 10,000 adalah di luar kapasiti banyak kebanyakan rakyat Malaysia yang masih terjerat dalam gaji


minimum RM 1,000 sebulan dan kos inflasi yang tinggi. Peralihan ini akan berjaya hanya kalau kombinasi potongan cukai serta pindahan manfaat terus (*direct benefit transfer*) berdasarkan pendapat isi rumah dilaksanakan dengan kos RM 3 bilion. Kebanyakan golongan B40 (iaitu 40% keluarga berpendapatan paling bawah) berada di luar sistem percukaian terus, maka potongan cukai tidak akan sampai juga. Oleh itu, sistem pembayaran terus dengan penuh (RM 1,000) disyorkan selepas mereka menunjukkan bukti bayaran walaupun kos membeli dapur induksi di bawah RM1,000.

Selepas tamat tempoh peralihan yang disyorkan selama 3 tahun, maka penjualan gas asli untuk kegunaan isi rumah harus diharamkan. Untuk mengurangkan impak terhadap kelas pekerja, bantuan perubahan untuk beralih ke sektor perusahaan lain harus diberikan kepada warga pengusaha gas runcit.

Golongan	Jenis Subsidi	Bilangan Isi Rumah	Kos Subsidi Serumah (RM)	Jumlah (RM)
B40	Pindahan Terus	2,536,509	1,000	2,536,509,200
M40	Potongan Cukai	2,536,509	200	507,301,840
T20	Tiada Subsidi	1,268,255	Tiada	Tiada
Jumlah		6,341,273		3,043,811,040

3. Peralihan tenaga oleh sektor infrastruktur

India telah menggemparkan dunia bahawa semua pelabuhan laut akan menggunakan tenaga solar dan angin sebelum tahun 2019. Pada tahun 2013, lapangan terbang Cochin di Kerala, India telah menjadi lapangan terbang pertama di dunia yang berkuasakan solar dan kos memasang solar telah mendapat pulangan modal dalam tempoh 6 tahun. Walaupun ini merupakan satu aksi untuk melonjakkan imej India di dunia, namun kejayaan tersebut menyakinkan sektor kejuruteraan Malaysia untuk diaplifikasi di Malaysia. Hampir semua lapangan terbang dan pelabuhan di Malaysia memiliki tanah yang luas sekitarnya atau kawasan bumbung yang luas untuk memasang sistem solar. Bumbung stesen rel (MRT, LRT, ETS dan Monorel) serta hentian R&R di lebuhraya boleh digunakan untuk menjana kuasa untuk kegunaan masing-masing. Dengan teknologi efisien tenaga (*energy efficient*), penggunaan tenaga daripada stesen jana kuasa berkuasa bahan api oleh lapangan terbang, stesen rel, hentian R&R dan pelabuhan dapat dimansuhkan sepenuhnya.



2. Kenderaan Elektrik ("Electric Vehicle")

Malaysian Green Technology Corporation (MGTC) merupakan agensi yang dimandatkan untuk mempromosi teknologi hijau termasuk kenderaan berkuasa elektrik (EV) yang lebih bersih dan efisien berbanding kenderaan enjin. MGTC mensasarkan sebanyak 2000 bas elektrik, 100,000 kereta elektrik serta 100,000 motosikal/skuter elektrik menjadikan jumlah kenderaan elektrik sebanyak 202,000 di Malaysia pada tahun 2020. Untuk mencapai sasaran ini, sebanyak 25,000 stesen cas EV sepatutnya dipasang di seluruh Malaysia, namun kini hanya terdapat lebih 200 stesen cas EV di seluruh Malaysia. Nombor ini menyatakan Malaysia jauh di belakang dalam industri kenderaan elektrik.

Pihak kapitalis minyak berpendapat bahawa kenderaan elektrik tidak membantu alam sekitar kerana bahan api fosil yang dibakar di stesen jana kuasa bertambah untuk menampung permintaan tenaga elektrik daripada kenderaan elektrik (EV). Kenderaan motor elektrik menggunakan tenaga yang jauh lebih rendah daripada kenderaan motor bahan api. Hal ini kerana kenderaan EV hanya ada 2 komponen, iaitu motor dan bateri, menjadikan EV lebih ringan dan memerlukan tenaga yang kurang untuk menggerakkan kereta. Di samping itu, motor EV lebih efisien untuk mengubah tenaga elektrik kepada tenaga kinetik berbanding

kereta konvensional daripada tenaga kimia (bahan api) kepada tenaga kinetik. Stesen jana kuasa adalah 2 kali ganda lebih efisien dalam memperoleh tenaga daripada bahan api berbanding kereta.


Untuk mempromosikan EV secara besar-besaran di Malaysia, 3 inisiatif boleh dilakukan di Malaysia:

1. Mewujudkan stesen cas EV menyeluruh di seluruh Malaysia. Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengambil alih stesen minyak milik Petronas Dagangan Berhad (PDB) melalui pertukaran ekuiti pegangan oleh Putrajaya. Putrajaya melalui pegangan saham dalam PDB akan dikurangkan berdasarkan nilai aset yang dikeluarkan daripada PDB. Nilai aset itu dipindah milik kepada TNB dan jumlah pegangan saham TNB oleh Putrajaya. TNB kemudian mengubahsuai stesen minyak kepada stesen EV dengan rizab wang yang besar dan dikenakan tarif rumah.
2. Memberi insentif cukai import, jalan dan duti eksais pada kadar 0% kepada EV untuk menggalakkan kelas pekerja membeli dengan harga EV yang lebih murah untuk dibeli dan diselenggara.
3. Mengharamkan jualan kenderaan bahan api secara berjadual, iaitu motosikal mulai 2020, bas dan lori mulai 2025, dan kereta mulai 2030 serta jualan bahan api automobil mulai 2040.

4. Pertukaran Lampu kepada LED

Berdasarkan perbandingan di atas, LED menggunakan lebih kurang 17% tenaga berbanding lampu pijar. Peralihan lampu jalanraya dan rumah kepada LED akan mengurangkan permintaan tenaga sebanyak 23% daripada permintaan sedia ada. Pengharaman perjalanan lampu CFL dan pijar harus dilaksanakan kerana struktur pengeluaran kapitalis sekarang enggan mengubah sistem produksi mereka daripada pijar kepada LED.

Jumlah Watt Untuk 25000 Jam



Pendanaan untuk parti politik

Politik wang merupakan satu masalah yang serius dalam negara kita.

Parti-parti politik menghabiskan wang yang banyak untuk meraih undi dalam pilihanraya. Demi mendapatkan sokongan pengundi, parti-parti politik berkecenderungan untuk menyogok pengundi dengan pelbagai habuan, seperti pemberian hamper, majlis jamuan makan, malah membayar wang tunai. Lebih-lebih lagi, parti yang memerintah menyalahgunakan kuasa dengan mengerakkan jentera kerajaan yang sepatutnya neutral semasa pilihanraya untuk memberi habuan kepada pengundi.

Jika sesuatu parti tidak menggunakan wang untuk menyogok pengundi pun, ia perlu membelanjakan wang dalam kempen pilihanraya. Percetakan poster, bendera, makanan untuk petugas-petugas, minyak petrol dan sebagainya, semua perlukan wang. Setiap calon juga perlu sediakan wang deposit sebanyak RM10,000 bagi kerusi Parlimen dan RM5,000 bagi kerusi DUN, di mana wang deposit ini akan hilang sekiranya calon berkenaan gagal memperoleh 1/8 atau 12.5% undi daripada jumlah keseluruhan pengundi yang keluar mengundi pada hari pengundian di kawasan tersebut. Oleh itu, calon dan parti politik memerlukan wang untuk dana kempen pilihanraya.

Walapun sekarang ini mempunyai sekatan dari segi undang-undang, di mana jumlah perbelanjaan yang dibenarkan ialah RM200,000 untuk kerusi Parlimen dan RM100,000 bagi kerusi DUN, tetapi tiada had untuk perbelanjaan bagi sesebuah parti politik secara keseluruhannya dalam pilihanraya. Oleh yang demikian, parti politik yang memiliki sumber kewangan yang besar akan membelanjakan wang yang lebih untuk menewaskan lawannya dalam pilihanraya.

Sama ada mengikut peraturan atau tidak, sama ada menggunakan wang untuk menyogok pengundi atau tidak, pilihanraya memerlukan wang. Parti-parti politik yang bertanding dalam pilihanraya perlu mencari sumber kewangan untuk menampung perbelanjaan kempen pilihanraya. Cara yang paling mudah dibuat adalah mengutip sumbangan daripada orang ramai.

Namun, adanya golongan kapitalis dan korporat besar yang menyumbangkan wang kepada parti-parti politik. Kapitalis dan korporat besar menyumbangkan wang kepada parti politik bukannya disebabkan mereka ini sangat murah hati, tetapi ada sebab-sebabnya tertentu. Mungkin adanya penyumbang besar kepada sesebuah parti politik memang secara ikhlasnya menyokong idea-idea politik yang mulia, tetapi kebanyakannya penyumbang besar daripada golongan kapitalis mempunyai niat untuk mempengaruhi agenda politik supaya lebih berpihak kepada kepentingan dan keuntungan mereka.

Kapitalis derma wang kepada parti politik, kerana mahu parti politik berkenaan, sekiranya memerintah, membuat dasar-dasar yang berpihak kepada kepentingan kapitalis. Ada



kapitalis yang lebih terus-menerus lagi, mereka mahu dapatkan projek daripada kerajaan.

Keadaan begini menyebabkan golongan kapitalis dapat menggunakan pendanaan politik untuk menentukan halatuju pentadbiran negara, dan akibatnya adalah kepentingan rakyat marhaen akan terus dikorbankan.

Selagi wujudnya pendanaan terus daripada golongan kapitalis dan korporat besar kepada parti-parti politik, tidak mungkin kita akan dapat pilih sebuah kerajaan yang benar-benar berpihak pada rakyat marhaen. Memang mana-mana parti politik perlukan undi daripada rakyat biasa untuk berkuasa, tetapi mereka yang mendapat sokongan kewangan korporat boleh mempengaruhi undi rakyat biasa dengan cara menyogok pengundi ataupun penggunaan jumlah dana yang besar dalam kempen propaganda semasa pilihanraya untuk mempengaruhi pilihan rakyat.

Pengurangan pengaruh kapitalis dan korporat besar dalam politik dapat dikurangkan dengan wujudkan pendanaan awam ataupun pendanaan terus daripada kerajaan kepada semua parti politik yang bertanding dalam pilihanraya.

Dr. Jeyakumar Devaraj, AJK Pusat PSM yang juga merupakan Ahli Parlimen untuk kawasan Sungai Siput, telah mencadangkan satu mekanisme untuk pendanaan kerajaan kepada parti politik:

- Semasa pilihanraya umum, setiap pengundi selain menerima kertas undi untuk kerusi Parlimen dan kerusi DUN, dia akan menerima juga satu lagi kertas undi yang tercetak senarai semua parti politik yang berdaftar.
- Dalam kertas undi yang ketiga ini, pengundi akan memangkah parti politik yang dia sokong untuk mendapatkan dana daripada kerajaan.
- Setiap undi boleh bersamaan



dengan RM 10 setahun untuk parti politik berkenaan sehingga pilihanraya seterusnya.

- Misalnya, jika sebuah parti (sama ada parti pemerintah ataupun parti pembangkang) mendapat jumlah 100,000 undi, maka ia layak mendapat RM 1 juta setiap tahun.

- Pada takat ini, terdapatnya lebih kurang 14 juta pengundi yang berdaftar di Malaysia. Jikalau campur semua yang layak mengundi pun, negara kita adanya lebih kurang 18 juta orang pengundi yang layak. Jika semua pengundi membuang undi dan memangkah kertas undi yang ketiga ini semasa pilihanraya umum, maka bermakna sebanyak RM 180 juta diperlukan sebagai peruntukan untuk parti politik setiap tahun.

Cadangan wujudkan undi untuk parti politik ini juga boleh digunakan sebagai satu cara untuk mewujudkan sistem perwakilan berkadar dalam pemilihan wakil rakyat. Sistem "pemenang undi terbanyak" (*first-past-the-post*) yang digunakan dalam sistem pengundian di negara kita pada takat ini, adalah tidak adil kerana peratusan taburan kerusi dalam Parlimen dan DUN tidak mencerminkan taburan sebenar undi sokongan terhadap sesuatu parti. Jika kita betul-betul mahu merombak semula sistem pilihanraya kita supaya menjadikannya lebih adil, boleh rujuk kepada sistem "perwakilan berkadar bercampur" (*Mixed-member*

proportional representation) yang digunakan di Jerman, di mana wakil rakyat akan dipilih melalui cara campuran perwakilan berkadar mengikut senarai parti dan pemenang undi terbanyak di kawasan mengundi tempatan.

Dana kerajaan kepada setiap parti politik semestinya datang daripada pendapatan kerajaan. Semua syarikat korporat perlu bayar cukai. Jadi, adalah lebih baik wang cukai yang dikutip daripada syarikat korporat dibayar oleh kerajaan kepada parti-parti politik secara adil, daripada membiarkan syarikat korporat menderma terus kepada parti politik sebagai sogokan untuk menjaga kepentingannya sendiri.

Kerajaan boleh mewujudkan sekatan yang lebih ketat terhadap pendanaan politik daripada syarikat swasta apabila adanya pendanaan kerajaan terus kepada parti-parti politik tanpa mengira fahaman politik parti berkenaan.

Untuk wujudkan pendanaan politik yang lebih adil dan lebih berpihak kepada rakyat marhaen, kita perlukan perubahan yang serius pada sistem politik yang sedia ada.

Demokrasi adalah untuk semua rakyat, bukannya untuk juga kepentingan segelintir korporat. ##

KUIZ PEKERJA

Jawapan

- i. Mengikut Seksyen 60F(1) dan (1A), seseorang pekerja layak mendapat cuti sakit di bawah keadaan berikut:
 - telah mendapat satu sijil pengesahan daripada pengamal perubatan berdaftar yang dilantik oleh majikannya; atau
 - telah mendapat satu sijil daripada doktor pakar pergigian; atau
 - jika tiada pengamal perubatan sedemikian dilantik atau pengamal perubatan berkenaan tidak terdapat dalam tempoh atau jarak yang munasabah, perkhidmatan pengamal perubatan berdaftar
- ii. Jumlah hari cuti berbayar yang layak diperolehi seseorang pekerja dalam satu tahun kalender ialah seperti dalam Jadual di bawah.

Jika dimasukkan ke hospital, jumlah hari cuti sakit berbayar boleh dipanjangkan sehingga 60 hari dalam satu tahun kalender.

Tempoh perkhidmatan	Jumlah hari cuti sakit yang layak dalam tahun kalender
Kurang daripada 2 tahun	14
2 tahun tapi kurang daripada 5 tahun	18
5 tahun dan lebih	22

Perlu komitmen politik untuk selesaikan isu Orang Asli

(Berikut ialah kenyataan yang dikeluarkan oleh Suresh Kumar, Penyelaras Biro Orang Asli PSM, pada 21 Julai lalu.)

Kami ingin merujuk kepada kenyataan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) berkenaan cadangan penubuhan pasukan khas bagi memantau kes-kes melibatkan pertikaian tanah Orang Asli (KOSMO 18/7/2017 http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2017&dt=0718&pub=Kosmo&sec=Negara&pg=ne_06.htm). Ini bukanlah kali pertama cadangan-cadangan sebegini diberikan berkenaan pertikaian tanah adat OA.

Saya ingin membawa kepada perhatian garis masa selepas Inkui Nasional Mengenai Hak Tanah OA yang diadakan oleh SUHAKAM dari tahun 2010 ke 2012, seperti berikut:

20 Mac 2013 - SUHAKAM mencadangkan penubuhan tribunal isu tanah OA hasil daripada laporan Inkui Nasional.
3 Jun 2015 - 18 daripada 50 syor telah dikemukakan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri. Satu syor ditolak, iaitu penubuhan Suruhanjaya Nasional berkenaan OA.
Jawatankuasa Khas Kabinet (JKK) yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri ditubuhkan.
7 April 2016 - Mesyuarat pertama JKK. Satu Jawatankuasa Kerja telah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Datuk Paul Low Seng Kuan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM).

10 Mei 2016 - JPM telah membentang 6 tindakan lanjut kepada Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri.
17 Julai 2017 - KKLW cadang penubuhan pasukan khas bagi memantau kes-kes pertikaian tanah OA.

Jika dilihat dalam garis masa yang ditunjukkan di atas, syor SUHAKAM berkenaan isu tanah adat OA telah dikemukakan lebih 4 tahun dahulu. Tetapi apa yang mampu dilakukan oleh kerajaan BN dalam tempoh masa itu ialah menubuhkan 2 jawatankuasa dan beberapa pembentangan dalam mesyuarat-mesyuarat elit pemerintah (di mana sekumpulan kecil pegawai kerajaan dan ahli politik membuat keputusan untuk sekumpulan besar penduduk). Malah jika dilihat kekerapan mesyuarat membincangkan isu tanah adat OA, amatlah mengecewakan kerana purata hanya 1 mesyuarat dibuat dalam setahun, walaupun isu tanah adat OA merupakan satu isu yang sangat serius dalam kehidupan OA buat masa sekarang.

Ini dengan jelas menunjukkan bahawa ketiadaan inisiatif dan kesungguhan politik untuk menyelesaikan isu tanah adat OA Semenanjung Malaysia.

Kami daripada Biro OA Parti Sosialis Malaysia (PSM) ingin mencadangkan perkara-perkara seperti berikut yang mana perbincangan dan keputusan

diamond secara demokratik dengan penglibatan OA, JAKOA dan NGO-NGO yang memperjuangkan hak Orang Asli/Asal serta Majlis Peguam Malaysia:

- i. Satu jawatankuasa untuk mengumpul data-data seperti berikut:
 - keluasan tanah adat OA yang telah diceroboh oleh agensi-agensi kerajaan, syarikat swasta dan orang perseorangan.
 - Kegiatan ekonomi yang sedang dijalankan di atas tanah adat OA yang telah diceroboh.
 - Tempoh masa pajakan tanah (jika ada) yang telah diberikan kepada pihak-pihak luar di atas tanah adat OA.
 - Keluasan tanah adat OA yang masih kekal sebagai hutan rayau.
 - Keluasan tanah adat OA yang digunakan untuk penempatan.
 - Peta komuniti yang telah disediakan oleh kampung OA.

ii. Satu jawatankuasa yang mula merangka mekanisme pemberian hakmilik tanah adat OA sebagai geran komunal dengan mengambil kira aspek-aspek berikut:

- Tanah adat OA yang telah diberi pajakan oleh kerajaan negeri.
- Tanah adat OA yang diceroboh secara haram.
- Tanah adat OA yang kekal sebagai hutan rayau.
- Tanah untuk penempatan dan perkembangan penempatan.

iii. Hentikan pemberian hakmilik untuk tanah-tanah baru di atas tanah adat OA selagi perkara-perkara di atas belum diselesaikan.

Selagi kerja-kerja khusus seperti di atas tidak dibuat, selagi itulah dolak-dalik kerajaan BN akan berterusan tanpa penyelesaian yang sebenarnya.
##



Isu Jalan Sehala di Brinchang Cameron Highlands

Latar belakang sejarah

Jalan sehala di Brinchang telah dilaksanakan pada tahun 2008 atas alasan mengurangkan kesesakan lalulintas. Hampir 150 penduduk Brinchang telah kumpul di hadapan Pejabat JKR Cameron pada 4 Jun 2008, menyebabkan pihak berkuasa tempatan telah menukar keputusan untuk hanya membuat jalan sehala pada hari cuti sahaja. Kesesakan lalulintas tidak pernah berkurang akibat implementasi jalan sehala. Boleh baca cerita lanjut di <http://psmcameron.blogspot.my/2008/08/rakyat-cameron-berhimpun-menentang.html>

Situasi masa kini

Jalan sehala telah mula dibuat semula pada 17 Mac 2017 untuk percubaan selama sebulan dan kemudian disambung untuk sebulan lagi sehingga 17 Mei 2017. Sehingga ke hari ini, jalan sehala masih kekal di Brinchang.

Ketua Polis Daerah Cameron Highlands sangat pro-aktif dalam mengeluarkan kenyataan akhbar berkenaan isu jalan sehala di Brinchang. Ini boleh dilihat daripada 4 kenyataan yang telah dikeluarkan oleh beliau sepanjang pelaksanaan jalan sehala ini. Tiada mana-mana jabatan kerajaan lain mengeluarkan kenyataan berkenaan penukaran jalan sehala ini selain Ketua Polis Daerah Cameron Highlands. Polis Cameron juga telah menampal

kenyataan di seluruh bandar Brinchang mengumumkan penukaran jalan sehala. Maka, timbul persoalan kenapa Ketua Polis Daerah Cameron Highlands begitu aktif dalam melakukan perkara ini dan apa bidang kuasanya untuk berbuat demikian.

Antara masalah yang ditimbulkan oleh pelaksanaan jalan sehala kepada penduduk tempatan adalah:

- Para penduduk Cameron terpaksa membuat lintasan lebih jauh untuk sampai ke destinasi mereka di Brinchang.
- Ibumapa yang mahu menghantar anak ke SJKC Brinchang terpaksa membuat lintasan jauh. Aliran kenderaan juga lebih laju di hadapan SJKC Brinchang akibat jalan sehala.
- Ramai penduduk keliru dengan implementasi ini dan menyebabkan sering berlakunya kemalangan.
- Ketenteraman penduduk di flat Muhibbah terjejas akibat jalan masuk ke kawasan flat mereka kini dijadikan jalan utama.
- Perniagaan merosot untuk peniaga di pusat bandar.

Pada 21 Jun lalu, PSM Cameron Highlands telah menyerahkan memorandum kepada Ketua Polis Daerah Cameron Highlands beserta hampir 500 tandatangan penduduk yang membantah jalan sehala. Tiada jawapan diterima daripada Ketua Polis Daerah Cameron Highlands. Beberapa persoalan juga telah ditanya kepada Ketua Polis Daerah



Cameron Highlands, antaranya:

- i. Apakah peranan Ketua Polis Daerah dalam penukaran jalan sehala ini? Adakah beliau bertindak sebagai jurucakap atau beliau adalah pihak yang mengarahkan penukaran jalan ini?
- ii. Jika Ketua Polis Daerah menjadi jurucakap dalam implementasi jalan sehala, bukankah tugas ini perlu dibuat oleh pihak yang bertanggungjawab seperti Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah di Majlis Daerah Cameron Highlands (MDCH)?
- iii. Jika Ketua Polis Daerah ialah pihak yang mengarahkan penukaran jalan sehala ini, bolehkah beliau menunjukkan di bawah undang-undang manakah beliau diperuntukkan kuasa untuk mengambil keputusan dalam penukaran jalan?
- iv. Mengapakah pihak-pihak berkuasa di Cameron Highlands “mengitar semula” idea yang telah diuji pada tahun 2008 dan ternyata gagal?

PSM Cameron Highlands telah menghantar satu memorandum kepada Ketua Polis Negara di Bukit Aman, Kuala Lumpur, pada 20 Julai lalu, berkenaan dengan isu jalan sehala di Brinchang, Cameron Highlands. Dalam memorandum tersebut, PSM Cameron Highlands menyatakan tentang kuasa Ketua Polis Daerah Cameron Highlands, DSP Hasadid b A Hamid, dalam isu menukar jalanraya di bandar Brinchang kepada jalan sehala. Penukaran ini telah dibuat dengan alasan mengurangkan kesesakan lalulintas di Brinchang, tetapi menimbulkan ketidakpuasan hati daripada ramai penduduk tempatan.

Satu memorandum telah dihantar kepada Ketua Polis Daerah Cameron Highlands pada 21 Jun lalu, tetapi tidak mendapat sebarang jawapan.

Memorandum yang diserahkan pada 20 Julai telah diterima oleh Supt Skandaguru Anandan, daripada Urus Setia Ketua Polis Negara (Komunikasi Korporat), Bukit Aman. Skandaguru berjanji akan membawa memorandum tersebut kepada perhatian Ketua Polis Negara, tetapi tidak mengulas lanjut tentang isi kandungan memorandum.

PSM Cameron Highlands telah diwakili oleh Suresh Kumar (Setiausaha PSM Cameron), Yogatasan, Mat Nor Ayat (bakal calon PSM untuk DUN N02 Jelai) dan Shariff. Turut hadir ialah A. Sivarajan, Setiausaha Agung PSM.

(sambung di m/s 13)

Venezuela

Pada 30 Julai lalu, satu pilihanraya telah diadakan untuk memilih perwakilan ke dalam Perhimpunan Perlembagaan Venezuela. Walaupun menghadapi ancaman keganasan daripada puak pembangkang berhaluan kanan, lebih 8 juta orang rakyat Venezuela telah mengambil bahagian dalam usaha demokratik untuk mengembalikan keamanan dan mempertahankan proses Revolusi Bolivar di negara tersebut.

Perhimpunan Perlembagaan dipanggil oleh Presiden Venezuela, Nicolás Maduro, sebagai respon kepada demonstrasi yang dianjurkan oleh puak pembangkang yang sudah meragut nyawa ramai orang sejak beberapa bulan kebelakangan ini.

Seramai 545 orang ahli Perhimpunan Perlembagaan dipilih secara



(sambung dari m/s 12)

- v. Betulkah penukaran jalan sehala ini dibuat untuk memenuhi kehendak sesetengah syarikat swasta yang besar yang boleh mengaut keuntungan lebih dengan aliran trafik dalam laluan jalan sehala ini?
- vi. Adakah penukaran jalan-sehala ini dibincangkan dalam Mesyuarat Tindakan Daerah dan apakah keputusannya?
- vii. Apakah mekanisme perundingan dengan penduduk dan pengguna jalan dalam implementasi jalan sehala ini?
- viii. Berapakah kemalangan yang telah berlaku akibat implementasi jalan sehala di Brinchang setakat sekarang?

Tuntutan yang dikemukakan oleh PSM Cameron Highlands dalam memorandum kepada Ketua Polis Negara adalah seperti berikut:

- PDRM Bukit Aman menyiasat apa bidang kuasa Ketua Polis Daerah Cameron Highlands menukar jalan sehala di Brinchang.
- Jika Ketua Polis Daerah Cameron Highlands mempunyai kuasa, sila nyatakan di bawah Akta manakah beliau diperuntukkan dengan kuasa ini. PSM Cameron Highlands juga mahukan jawapan untuk persoalan-persoalan yang telah dikemukakan seperti di atas.
- Jika Ketua Polis Daerah Cameron Highlands tidak mempunyai kuasa, sila nasihatkan beliau untuk membatalkan penukaran jalan tersebut dalam masa 2 minggu.
- Sila berikan jawapan bertulis kepada semua persoalan yang telah ditimbulkan. ##

Pilihanraya Perhimpunan Perlembagaan

langsung, dengan 364 orang dipilih mengikut kawasan geografik (dengan satu kerusi untuk setiap bandar, tambahan 2 kerusi untuk setiap ibu negeri, dan kawasan pusat Caracas pula adanya 7 orang wakil), 8 orang wakil masyarakat orang asal yang dipilih melalui perhimpunan komuniti mengikut tradisi mereka, dan 173 orang dipilih mengikut sektor dalam masyarakat (8 orang wakil untuk petani dan nelayan, 5 untuk peniaga, 5 untuk orang kurang upaya, 24 untuk pelajar, 28 untuk warga pencen, 24 untuk majlis komunal, 79 untuk pekerja dari sektor seperti pentadbiran awam, perkhidmatan, sosial, komersial, kerja sendiri, industri, pembinaan, industri minyak dan pengangkutan). Perlembagaan baru yang digubal melalui Perhimpunan Perlembagaan ini akan diundi oleh semua rakyat Venezuela dalam satu referendum.



Puak pembangkang berhaluan kanan bukan sahaja memboikot pilihanraya Perhimpunan Perlembagaan ini, malah menggunakan keganasan untuk menghalang rakyat Venezuela daripada mengambil bahagian dalam usaha demokratik ini. Amat jelas sekali, puak pembangkang berhaluan kanan bukannya berjuang untuk demokrasi, tetapi hanya mahu merampas semula kuasa untuk golongan oligarki dan menghancurkan segala pencapaian sosial yang dikecapi Revolusi Bolivar untuk hampir 2 dekad kebelakangan ini. Kuasa imperialis khususnya Amerika Syarikat telah menyokong usaha golongan kanan di Venezuela untuk merampas semula kuasa. Media arus perdana antarabangsa juga cuba sedaya upaya untuk memutarbelitkan fakta dan menggambarkan Venezuela sedang menuju ke arah kediktatoran di bawah Maduro. ##

Rakyat Venezuela telah mengundi pada 30 Julai lalu, adanya terpaksa mengambil jalan lebih jauh, merentasi sungai dan sebagainya untuk mengelakkan diri daripada diserang oleh puak pembangkang yang ganas. Mereka telah menunjukkan keberanian dalam mempertahankan Revolusi Bolivar dan menentukan nasib sendiri melalui proses demokrasi. Revolusi Bolivar adalah satu proses rakyat bawahan Venezuela menentukan nasib mereka sendiri, dan inilah yang menggerunkan golongan oligarki dan sekutu mereka di Washington. Hanya rakyat Venezuela yang sanggup berjuang dapat mempertahankan Revolusi Bolivar dan usaha ini memerlukan sokongan solidariti daripada golongan progresif seluruh dunia. ##

Sidang Kedua Parlimen 2017 dan Skim Insurans Pekerja

(Berikut ialah kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh Wan Zamzahidi Wan Zahid, AJK Pusat Pusat, pada 23 Julai lalu.)

Pada 29 Mac yang lalu, Parti Sosialis Malaysia (PSM) telah mengadakan pertemuan dengan Menteri Sumber Manusia, Richard Riot, di bangunan Parlimen bagi menyerahkan 10,000 poskad bertandatangan untuk menyatakan sokongan terhadap Tabung Pemberhentian Kerja. Tabung ini selari dengan Skim Insurans Pekerjaan yang diusahakan oleh pihak Kementerian. Sehubungan itu, PSM menyambut baik usaha tersebut dan menyeru pihak Kementerian untuk mempercepatkan usaha tersebut.

Tabung ini, atau Skim Insurans Pekerjaan (SIP) mengikut konteks Kementerian, amatlah penting dan bermakna bagi golongan pekerja buat masa sekarang dengan situasi ekonomi yang tidak menentu. Dalam dua tahun kebelakangan ini, banyak perniagaan yang gulung tikar dan menghentikan operasi di Malaysia, di mana lebih kurang 30% pekerja terlibat, hilang pekerjaan tanpa mendapat apa-apa pampasan. Dunia mereka menjadi kelam dengan tiba-tiba dan banyak perkara bertukar menjadi beban dalam sekilip mata.

Dengan kewujudan tabung ini dan Skim Insurans Pekerjaan, diharapkan ianya dapat memberi sedikit sinar bagi golongan pekerja dalam menghadapi

situasi sedemikian. Mekanisme yang dicadangkan di bawah skim ini merangkumi bantuan sara hidup sementara dalam tempoh tertentu apabila kehilangan kerja dan juga latihan kemahiran untuk menyediakan pekerja bagi ruang pekerjaan yang baru.

Dalam pertemuan tempohari, Menteri menjanjikan bahawa usul Skim Insurans Pekerjaan akan dibentangkan di Parlimen pada sesi kedua persidangan tahun ini dan jika diluluskan, akan mula berfungsi seawal bulan Januari 2018. Justeru, kami amat mengharapkan yang Menteri berkenaan akan mengotakatkan janji beliau untuk membentangkannya dalam sidang parlimen yang akan

berlangsung dari 24 Julai sehingga 7 Ogos akan datang.

Sehubungan itu juga, kami menyeru sokongan daripada ahli parlimen sekalian untuk bekerjasama dalam pembentangan usul ini, sekaligus mendapatkan kelulusan agar skim ini dapat dilaksanakan secepat mungkin demi kepentingan golongan pekerja yang semakin resah dengan kesuraman ekonomi negara pada masa ini. ##

(Nota pengarang: Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan 2017 telah dibentangkan dalam Dewan Rakyat pada 1 Ogos lalu untuk bacaan pertama.)



Sebuah cerpen oleh K.Z. Iskandar Zulfaqar

Haiza terkedu membaca surat yang baru saja diterimanya itu. Hatinya seolah-olah hancur meneliti setiap bait-bait kata yang terkandung dalam surat itu. Setiap isi dalam surat itu seolah-olah membunuhnya. Mimpi ngeri yang selalu menerpanya kini menjadi kenyataan. Haiza akan ditukarkan ke sebuah sekolah pedalaman di negeri Sarawak. Keputusan pertukaran ini adalah sebagai tindakan yang dikenakan kepadanya kerana menyalahi etika perguruan. Dia masih kabur sebenarnya. Apakah kesalahan yang dilakukannya?

Haiza menerima surat amaran dua minggu lepas setelah dia menghadiri ceramah anjuran sebuah parti politik berhaluan kiri. Kehadirannya dapat dihidu oleh pihak Kementerian dan sejak itulah musibah yang tiada noktah menimpanya. Musibah paling besar adalah yang berlaku sekarang di mana dia akan ditukarkan ke sekolah pedalaman. Haiza berfikir sejenak. Adakah mampu untuk dia bertahan di kawasan pedalaman itu? Pernah sekali dulu rakannya Akmal terpaksa dihantar pulang ke Semenanjung kerana terlalu tertekan mengajar di pedalaman. Sedangkan Akmal yang lelaki pun boleh berputus asa mengajar di pedalaman, apatah lagi Haiza yang merupakan seorang perempuan lemah-lembut.

Haiza terduduk di bilik guru sambil mendaratkan kepalanya di atas meja guru miliknya kerana terlalu tertekan memikirkan dugaan baru yang menimpanya itu. Mungkin dengan berbuat begitu dia mampu bertemu ketenangan. Melihatkan tiada sesiapa di dalam bilik guru melainkan dirinya, Haiza mengambil kesempatan ini untuk melepaskan semua tekanannya melalui air mata. Dia menangis sepuas hatinya. Menangis bukan bermakna dia lemah tetapi untuk mencari sinar bagi mencari semangat untuk meneruskan hidup yang sangat susah di pedalaman nanti. Dia akan berada tersangat jauh malah akan terputus hubungan dengan keluarganya.

Cikgu Haiza

Sebenarnya, ini bukan kali pertama Haiza menjadi mangsa keadaan. Namun, ketabahan serta kecekalan diri yang tinggi merupakan sebab utama Haiza masih bertahan dengan segala cabaran dan dugaan yang tidak putus-putus menimpanya. Walaupun kadangkala dia tidak kuat dan seakan-akan mahu berputus asa, dia masih berdiri memperjuangkan kerjaya mulianya sebagai seorang guru. Itulah cita-cita Haiza sejak kecil. Dia mahu mendidik anak bangsanya supaya menjadi seorang yang berguna pada masa hadapan. Dugaan mendakap erat Haiza sehingga kini dan hari ini iman dan kekuatannya terlalu tercabar. Tidak kuat untuk dia menerimanya. Jauh di sudut hatinya ingin sekali Haiza berputus asa dan meninggalkan kerjayanya itu hari ini.

Kedengaran bunyi tapak kaki menghampiri bilik guru. Ini terpaksa memberhentikan tangisan Haiza. Belum sempat dia mengesatkan air mata, Cikgu Nurin sudah terpacak berdiri di hadapannya.

"Kenapa ni Haiza? Saya tahu awak menangis. Awak ada masalah ke?"

Soalan Cikgu Nurin itu tidak dijawab oleh Haiza, sebaliknya dia terus merapatkan tubuhnya dan terus memeluk erat Nurin sambil menyambung tangisannya. Dalam keadaan teresak-esak menangis, Haiza menceritakan segala-galanya kepada Nurin. Haiza kemudian mengambil surat pertukarannya itu dan memberikannya kepada Nurin. Nurin mengamati setiap isi surat itu. Terkejutnya bukan kepalang. Ini bermakna dia akan kehilangan Haiza yang bukan sahaja rakan sekerjanya tetapi juga sahabat karibnya.

"Saya yakin kita mesti ada cara untuk selesaikan masalah ni." Nurin cuba untuk menyakinkan Haiza.

"Tidak mengapa Nurin. Sukar untuk kita menentang keputusan kerajaan. Kesudahannya kita tidak akan berjaya. Saya yakin ada hikmah di sebalik apa yang berlaku ini. InsyaAllah saya boleh berdikari di sana. Jangan risaukan saya ye."

Nurin hanya mampu menundukkan kepalanya mendengarkan jawapan Haiza itu. Kesedihan turut menyelubungi hatinya. Dia akan kehilangan sahabat karibnya itu hari ini.

"Saya bersimpati dengan nasib awak Haiza. Inilah yang selalu terjadi. Pemerintahan kuku besi yang tak habis-habis mencengkam hidup kita. Guru pun manusia juga. Kita pun ada hak untuk berpolitik. Mungkin mereka ingat kita ni robot perlu ikut sahaja kata mereka. Kami di sini akan rindukan awak, Haiza. Kami akan sentiasa doakan yang terbaik untuk awak." Nurin sekali lagi memeluk Haiza erat, kali ini seperti tidak mau melepaskan pelukannya itu.

"Jangan risau Nurin. Bila ada cuti saya akan balik dan melawat awak di sini."

Sambil mengesatkan air mata dengan sapu tangan, Haiza berjalan lemah keluar daripada pintu bilik guru untuk ke kelas 5 Dinamik yang akan menjadi kelas terakhirnya di sekolah itu sebelum dia berpindah.



Haiza cepat-cepat mengeringkan air matanya kerana dia tidak mahu murid-murid di kelas 5 Dinamik bertanya sebab dia menangis. Sesri pembelajaran kelas 5 Dinamik berjalan lancar seperti yang telah dirancangkan oleh Haiza. Dia berjaya menyembunyikan kesedihannya sepanjang satu jam kelas berlangsung. Loceng balik akhirnya berbunyi. Haiza masih serba salah sama ada ingin memberitahu perkara sebenar bahawa dia akan berpindah atau tidak. Dia tidak kuat jika anak-anak murid kesayangannya turut bersedih atas pemergiannya selepas ini.

"Terima kasih semua. Cikgu sangat menghargai kerjasama yang telah kamu berikan selama ini. Jadi orang yang berguna ya." Itu sahaja yang mampu Haiza ucapkan kepada murid-murid kelas itu.

"Kenapa cikgu cakap begitu? Cikgu nak pergi mana?" Ikram, ketua kelas 5 Dinamik mempersoalkan kata-kata Haiza itu.

"Cikgu tak pergi mana-mana. Kita akan jumpa lagi nanti ye." Tanpa bercakap banyak, Haiza segera mengemas barang-barangnya dan keluar daripada kelas itu sambil air matanya tidak henti-henti mengalir. ##

Apakah makna menjadi seorang wanita?

oleh Ayyubella

Seringkali saya terfikir tentang apa erti ini menjadi seorang wanita dan apabila soalan ini muncul di kotak pemikiran, ia seolah mendorong saya untuk menelebih lanjut tentang konsep kewanitaan yang dijamu kepada masyarakat hari ini di mana akhirnya menyakinkan saya untuk membuat kesimpulan bahawa jantina biologi hanyalah sebahagian kecil daripada identiti kita. Persoalan ini mungkin menjadi satu subjek sukar bagi masyarakat untuk cuba memahaminya, terutama dalam mencari akan makna dan definisi wanita itu sendiri, oleh kerana visual tipikal wanita yang disajikan media hari ini lebih memfokuskan bentuk fizikal (dada dan pinggul besar contohnya).

Selain itu, nilai kecantikan wanita diukur mengikut standard model iklan yang dipromosikan oleh pelbagai

iklan produk kosmetik serta jenama pakaian yang secara tidak langsung mendogma mentaliti wanita lantas menjadi mangsa perhambaan moden dan hamba konsumerisme ciptaan taikun-taikun industri kosmetik dan fesyen. Ini tidak termasuk lagi watak-watak elitis lakonan wanita cantik mulus bergaya serba mewah, memiliki kereta mahal dan rumah besar yang kerap kali menghiasi drama dan filem tanahair lalu secara halus mendoktrin minda masyarakat untuk mencontohi gaya hidup yang berilusikan elitis borjuis.

Kewanitaan hakikatnya adalah satu proses serta praktis yang melangkuai paras rupa, saiz bentuk/tubuh (fizikal lengkap untuk menjadi ibu), gaya pakaian dan pesona diri. Adakah tanpa payudara dan pinggul besar, pakaian cantik bergaya feminin kita kurang wanita? Bagaimana pula dengan wanita-wanita yang menderita kanser payudara dan ovarи tahap empat yang terpaksa menjalani

pembedahan mastektomi (pembuangan payudara) dan *oophorectomy prophylactic* (pembuangan ovarи). Adakah mereka hilang jati diri wanita? Maka di sini saya mahu bertanya lagi, apakah maksud seorang wanita? Adakah kewanitaan ditakrifkan oleh bentuk fizikal kami yang mana menjadi sasaran tumpuan media, masyarakat dan budaya? Atau adakah kerana kebolehan biologi kami untuk menstruasi, mengandung dan melahirkan?

Tidak! Sememangnya tidak benar sama sekali, malah sebaliknya saya percaya bahawa wanita adalah berkenaan sikap berdaya pandang dan polar pikir (*state of mind*) dalam sesebuah partisipasi sosial (*social action*). Wanita berfungsi sebagai kompas moral, penasihat, sumber daya (*sounding board*) kepada sekecil kecil institusi (persahabatan, keluarga, pekerjaan) hingga ke institusi masyarakat yang besar.

Sebagai wanita, kita memegang erat kepercayaan untuk berdiri terhadap sesuatu yang benar. Saya amat setuju bahawa wanita adalah pengaruh moral terbesar kepada unsur-unsur yang paling asas dalam struktur masyarakat. Sekali lagi, saya ingin mengajukan soalan terakhir kepada anda semua, Apakah maksud menjadi seorang wanita? Benar, ia tidak semestinya tentang kewanitaan (*femininity*) dan sudah tentu tidak hanya terhad tentang jantina biologi serta fizikal semata. Lahir sebagai seorang wanita atau 'bersikap' seperti seorang wanita umpama menjadi jentera di wilayah fikir yang berfungsi sebagai motor penggerak yang memandu masyarakat dalam mencorak generasi dan masa depan yang lebih baik, kerana wanita dalam berbagai dimensi kehidupan berbangsa dan bernegara adalah aset dan agen jitu perubahan. ##



Minda Kiri

Ekonomi Keynesian atau Keynesianisme adalah teori ekonomi yang berasaskan pemikiran yang dibawa dalam buku "Teori Umum tentang Pekerjaan, Faedah dan Matawang" (*The General Theory of Employment, Interest, and Money*), ditulis oleh **John Maynard Keynes** (1883-1946), seorang ahli ekonomi Britain yang dianggap sebagai pelopor dalam teori-teori makroekonomi moden.

Keynes telah menerajui "revolusi dalam pemikiran ekonomi", dengan mencabar idea-idea ekonomi neoklasikal yang berpegang pada kepercayaan bahawa pasaran bebas akan mewujudkan guna tenaga penuh, selagi pekerja adalah fleksibel dalam permintaan gaji (iaitu sudi bekerja dengan gaji rendah!).

Idea-idea dan dasar-dasar ekonomi yang dibangunkan oleh Keynes dan pengikutnya, adalah bertujuan untuk menyelamatkan sistem ekonomi kapitalis itu secara dalaman. Ekonomi Keynesian memang dianggap berkesan untuk menyelamatkan dan memulihkan sistem kapitalis ke tahap yang amat menakjubkan, dalam tempoh masa 30 tahun selepas Perang Dunia II.

Keynes berhujah bahawa permintaan agregat (*aggregate demand*) menentukan tahap aktiviti ekonomi secara keseluruhan, dan permintaan agregat yang tidak mencukupi boleh menyebabkan tempoh yang amat panjang berlakunya kadar pengangguran tinggi.

Pemikiran ekonomi Keynesian berkembang dan mendapat perhatian pada tahun 1930-an, iaitu apabila ekonomi dunia berada dalam zaman kemelesetan. Oleh itu, ekonomi Keynesian adalah respon kepada krisis ekonomi kapitalis.

Falsafah ekonomi Keynesian bukannya untuk menukar sistem kapitalis itu kepada satu susunan sosio-ekonomi yang baru, tetapi cuba melakukan reformasi ataupun perubahan secara dalaman sistem itu untuk menyelamatkan sistem kapitalis. Ekonomi Keynesian adalah bertujuan untuk memperbaiki masalah ataupun mengisi kecacatan yang wujud dalam sistem kapitalis.

Namun begitu, ekonomi Keynesian mengambil kaedah yang amat berbeza dengan fahaman ekonomi kapitalis yang "klasikal". Pemikiran ekonomi "klasikal" menekankan pada "pasaran bebas" sebagai mekanisme yang terbaik untuk mod pengeluaran kapitalis. Ekonomi Keynesian pula menekankan pada peranan campurtangan kerajaan dalam ekonomi.

Hujahan yang sering dibawa oleh ahli-ahli ekonomi Keynesian adalah keputusan sektor swasta (golongan kapitalis) kadang-kala mendatangkan kesan makroekonomi yang tidak efisien, dan ini memerlukan respon dasar yang aktif daripada sektor awam (kerajaan), terutamanya tindakan dasar monetari (iaitu kawalan ke atas pembekalan matawang) oleh bank pusat dan tindakan dasar fiskal (iaitu penggunaan pendapatan dan perbelanjaan kerajaan untuk mempengaruhi ekonomi) oleh pihak pentadbiran kerajaan.

Keynesianisme menyokong ekonomi campuran, di mana sektor swasta

Ekonomi Keynesian

(kapitalis) memainkan peranan penting dalam ekonomi tetapi kerajaan berperanan untuk mencampurtangan dalam ekonomi khususnya semasa kemelesetan.

Semasa Zaman Meleset pada tahun 1930-an, Keynes telah berhujah bahawa penyelesaian untuk krisis ekonomi pada masa itu adalah dengan merangsang ekonomi melalui kombinasi dua pendekatan:

- i. Pengurangan dalam kadar faedah (dasar monetari);
- ii. Pelaburan kerajaan dalam infrastruktur (dasar fiskal).

Bank pusat sesuatu negara boleh mempengaruhi kadar faedah melalui pelbagai mekanisme yang dikenali sebagai dasar monetari. Penurunan kadar faedah akan menggalakkan pinjaman oleh perniagaan untuk melakukan pelaburan, dan juga pengguna biasa akan lebih mampu membuat pembelian (seperti rumah dan kereta) melalui pinjaman bank. Dasar monetari yang merangsang aktiviti ekonomi melalui penurunan kadar faedah ini dipanggil dasar monetari pengembangan (*expansionary monetary policy*).

Untuk merangsang ekonomi, kerajaan juga boleh meningkatkan perbelanjaan awam. Pelaburan dan pembelian oleh kerajaan dapat meningkatkan permintaan untuk barang dan pekerjaan. Sekiranya perbelanjaan kerajaan melebihi pendapatan, kerajaan boleh membantu perbezaan ini dengan mengeluarkan bon kerajaan, untuk meminjam daripada pasaran modal. Ini dipanggil perbelanjaan defisit. Bagi Keynesianisme, perbelanjaan defisit boleh dibenarkan malah diperlukan, selagi ia dapat merangsang ekonomi dan mengurangkan pengangguran kronik.

Ekonomi Keynesian juga mencadangkan **dasar kitaran balas** (*counter-cyclical policy*), seperti menaikkan cukai untuk menyelamatkan ekonomi dan mengelakkan inflasi apabila pertumbuhan dalam permintaan terlalu hebat. Dasar kitaran balas ini juga membolehkan kerajaan membela secara defisit ke atas projek infrastruktur yang intensif buruh (iaitu nisbah keperluan buruh lebih daripada modal) untuk merangsang penjanaan peluang pekerjaan dan menstabilkan gaji semasa kemerosotan ekonomi. Ini amat berbeza dengan fahaman ekonomi klasikal, yang menggalakkan pengurangan cukai apabila adanya surplus dalam belanjawan kerajaan, dan mengurangkan perbelanjaan kerajaan semasa kemerosotan ekonomi.

Teori ekonomi klasikal juga menganggap bahawa masalah pengangguran secara besar-besaran adalah disebabkan oleh gaji sebenar yang tinggi dan tegar. Bagi "pakar-pakar" ekonomi "klasikal" sebegini, mereka menyokong peningkatan fleksibiliti pasaran buruh, iaitu menghapuskan gaji minimum (supaya majikan boleh membayar gaji serendah mungkin) dan mengharamkan kesatuan sekerja (supaya pekerja tidak dapat menyuarakan hak mereka melalui perwakilan kesatuan). Keynes tidak bersetuju dengan pandangan ceteck sebegini. Keynes menolak idea mengurangkan gaji pekerja untuk menangani kemelesetan ekonomi.

Ekonomi Keynesian menyokong pelaksanaan gaji minimum dan tahap gaji minimum patut dinaikkan untuk menjana permintaan agregat. Apabila gaji pekerja bertambah, mereka akan mempunyai lebih kuasa beli untuk membeli barang yang dikeluarkan oleh kilang. Dengan keuntungan kilang itu

bertambah berikutnya peningkatan kuasa beli pekerja, pemilik kilang boleh melaburkan lebih modal untuk meningkatkan produktivitinya termasuklah mengupah lebih banyak pekerja, maka mewujudkan lebih peluang pekerjaan. Oleh itu, adalah tidak betul sama sekali peningkatan gaji pekerja akan menyebabkan pengangguran. Sebaliknya, peningkatan gaji pekerja boleh menjana lebih peluang pekerjaan untuk pekerja yang lain.

Ekonomi Keynesian menjadi model ekonomi yang standard di semua negara maju selepas Perang Dunia II. Selepas Perang Dunia II, wujudnya era pertumbuhan ekonomi yang pesat (1945-1973) di negara-negara kapitalis yang maju. Pertumbuhan ekonomi yang hebat ini direalisasikan oleh campurtangan kerajaan yang pro-aktif dan inflasi yang berterusan. "Keynesianisme" adalah dasar ekonomi yang mendominasi negara-negara kapitalis pada tempoh masa hampir 30 tahun itu.

Pada hari ini, kita sentiasa terdengar hujah yang mengatakan bahawa campurtangan kerajaan adalah tidak baik untuk ekonomi, dan kita perlukan pasaran bebas yang tanpa kawalan untuk mensejahterakan masyarakat (dengan mengkayakan lagi golongan kapitalis terlebih dahulu) di bawah sistem kapitalis. Namun, pada hakikatnya, ekonomi kapitalis berkembang paling pesatnya pada zaman pasca Perang Dunia II bukannya disebabkan oleh pasaran bebas yang tanpa kawalan, tetapi campurtangan aktif kerajaan dalam ekonomi.


Dasar ekonomi Keynesian dapat berfungsi dengan agak lancar, memainkan peranan dalam mewujudkan sistem negara kebajikan (*welfare state*), dan membawa kepada kemakmuran yang hebat kepada negara-negara Barat pada era pertumbuhan ekonomi pesat pasca Perang Dunia II, bukannya disebabkan ia memang adalah "penyelamat" kepada sistem kapitalis, tetapi adanya beberapa faktor sejarah yang membolehkan keberkesanannya untuk menyelamatkan sistem kapitalis (untuk tempoh masa 3 dekad), antaranya:

- Kewujudan Blok Timur yang diterajui oleh Kesatuan Soviet, menjadi pesaing kepada Blok Barat yang dipimpin oleh Amerika Syarikat. Negara-negara kapitalis di Blok Barat perlu mendapatkan sokongan daripada golongan pekerja yang majoriti, dengan menunjukkan bahawa mereka mampu melindungi kesejahteraan pekerja. Ini adalah untuk memastikan supaya kelas pekerja tidak memberontak dan mengalihkan sokongan kepada Blok Timur.

- Pasaran dunia yang terhad disebabkan Perang Dingin. Pada masa itu, pasaran yang boleh diterokai oleh kelas kapitalis di negara-negara maju sudah pun tiba. Blok Timur hampir tutup kesemua ekonominya untuk kapitalis barat. Negara-negara Dunia Ketiga pula sedang dilanda gelombang pembebasan nasional yang hebat, dan keadaan adalah tidak menentu untuk pelaburan asing di situ. Tiada lagi tempat lain untuk kapitalis-kapitalis di negara barat itu pergi secara bebas, maka mereka terus kekal di negara sendiri, dan sudi (atau terpaksa) dikenakan cukai yang lebih tinggi untuk kerajaan melaksanakan dasar negara kebajikan.

- Gerakan pekerja di Eropah yang kuat pada masa itu memaksa kerajaan pro-kapitalis dan kelas borjuasi untuk berkompromi dengan tuntutan kelas pekerja.

Negara-negara Barat



John Maynard Keynes

mempunyai surplus sosial yang telah dikumpulkan melalui penjajahan imperialis sebelum itu dan masih meneruskan hubungan pemerasan ke atas kebanyakan negara-negara bekas jajahan. Ini membolehkannya mempunyai sumber yang mencukupi untuk pelaksanaan dasar ekonomi negara kebajikan.

- Kapitalis di negara-negara Barat dapat memperoleh minyak mentah (sebagai pemacu pengeluaran industri yang memerlukan sumber tenaga yang banyak) yang murah daripada penguasaan kuasa besar ke atas negara-negara pengeluar minyak petroleum.

Pelaksanaan ekonomi Keynesian oleh kerajaan kapitalis sebenarnya masih bertujuan utama untuk menjamin keuntungan kelas kapitalis. Begitu juga perbelanjaan sosial oleh kerajaan, walaupun meningkatkan taraf hidup pekerja, tetapi pada hakikatnya masih bermotif untuk menjaga kepentingan kelas kapitalis – keuntungan daripada ekonomi yang disokong oleh dasar kerajaan dan juga sekatan terhadap kebangkitan pekerja yang mampu menggugat sistem kapitalis.

Perlindungan sosial yang diberikan oleh negara kebajikan, sama ada dibayar oleh majikan atau kerajaan atau potongan gaji pekerja, seperti pencegah warga tua, insurans kehilangan kerja dan insurans kesihatan, merupakan sebahagian daripada gaji pekerja itu sebenarnya. Bahagian gaji ini adalah "gaji secara tidak langsung" atau "gaji yang ditangguhkan", kerana pekerja yang dapat memperoleh bahagian gaji ini pada suatu waktu pada masa hadapan (misalnya, bahagian gaji yang tergolong dalam pencegah hanya diperoleh selepas pekerja bersara).

Di negara kebajikan, adanya kerajaan menggunakan cara "pengurusan bersama" (sama ada pengurusan bersama pekerja-majikan, atau pengurusan bersama pekerja-kerajaan) ke atas dana perlindungan sosial. Ini sebenarnya merupakan satu pencabulan ke atas hak pekerja. Dana perlindungan sosial merupakan bahagian gaji pekerja yang belum ditunaikan. Pekerja sepatutnya merupakan satu-satunya pemilik untuk dana tersebut dan menguruskan secara kolektif oleh pekerja, tetapi hak sebegini dihakim apabila "diurus bersama". Adakah kapitalis membenarkan akaun bank mereka "diuruskan bersama" oleh pekerja dan kerajaan?

Ekonomi Keynesian mula tercabar dan kehilangan pengaruhnya apabila berlaku Krisis Minyak pada tahun 1973, dan juga kemakmuran ekonomi pasca Perang Dunia II sampai ke penghujungnya (akibat daripada hukum operasi sistem kapitalis itu sendiri). Dengan perubahan dari segi imbalan kuasa di dunia dan juga permulaan fasa kemelesetan baru dalam ekonomi kapitalis, dominasi ekonomi Keynesian di negara-negara barat telah digantikan oleh satu fahaman pasaran bebas yang fundamentalis, iaitu ekonomi neoliberal, yang kemudiannya menular ke seluruh dunia. ##

Resolusi Kongres Nasional PSM yang ke-19

16 Julai 2017, Seremban

Delegasi-delegasi yang hadir dalam Kongres Nasional PSM yang ke-19 menyeru bahawa:

1. Bebaskan negara Malaysia daripada korupsi, kronisme dan nepotisme.
2. Mansuhkan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST). Wujudkan sistem percukaian yang progresif dan adil.
3. Naikkan gaji minimum pekerja kepada RM 1500 sebulan.
4. Laksanakan Tabung Pemberhentian Kerja dengan segera.
5. Hapuskan sistem kerja kontrak. Kerajaan harus jadikan pekerja-pekerja kontrak (seperti pengawal keselamatan dan pekerja pembersihan) yang bekerja di jabatan-jabatan kerajaan sebagai pekerja tetap yang diupah terus oleh kerajaan.
6. Pengiktirafan kesatuan sekerja secara automatik.
7. Kerajaan harus mansuhkan atau pinda semua peruntukan undang-undang yang mengakis hak pekerja, termasuk batalkan Jadual Kedua Akta Perhubungan Perusahaan 1967 yang menghadkan bayaran gaji kebelakang yang dapat diputuskan oleh Mahkamah Perusahaan kepada hanya 24 bulan sahaja.
8. Laksanakan skim pencen untuk semua warganegara Malaysia yang mencapai umur persaraan.
9. Laksanakan pendidikan percuma di semua peringkat pengajian. Kerajaan harus kaji semula pemberian lesen untuk operasi kolej-kolej swasta.
10. Hentikan Skim Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh di hospital kerajaan.
11. Hentikan penswastaan perkhidmatan awam termasuk kesihatan, pendidikan, bekalan air dan sebagainya. Kerajaan harus mengambil alih semula perkhidmatan awam yang diswastakan untuk mengawal kualiti dan kos yang ditanggung rakyat biasa.
12. Rumah untuk kediaman rakyat, bukannya untuk keuntungan korporat. Lindungi hak rakyat untuk rumah selesa dengan cara-cara berikut:
 - Kerajaan harus mengambil langkah-langkah yang konkret untuk mengawal harga rumah, dan bukan membiarkannya ditentukan oleh pasaran bebas.
 - Naikkan kadar Cukai Keuntungan Harta Tanah untuk membendung spekulasi hartaanah.
 - Pinda Akta Kebankrapan supaya tidak mengabaikan golongan



- berpendapatan rendah yang menghadapi masalah kehilangan rumah mereka akibat proses perlelongan rumah.
- Hentikan pengusiran paksa ke atas peneroka bandar.
 - Wujudkan Dasar Perumahan Percuma untuk pekerja-pekerja ladang di seluruh negara. Gubal undang-undang untuk menjamin hak perumahan pekerja ladang.
 - 13. Kerajaan harus berusaha untuk mengurangkan kebergantungan negara kita terhadap pengimportan makanan dengan melindungi hak petani yang menghasilkan makanan. Hentikan rampasan tanah petani. Hentikan pengusiran paksa terhadap petani. Pinda Kanun Tanah Negara untuk mewujudkan perlindungan undang-undang bagi petani. Lindungi petani untuk memastikan jaminan makanan bagi rakyat Malaysia.
 - 14. Mansuhkan undang-undang zalim yang mencabul hak asasi manusia, seperti Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) (SOSMA), Akta Pencegahan Keganasan (POTA) dan Akta Pencegahan Jenayah (POCA) yang membenarkan penahanan tanpa bicara; Akta Hasutan dan Akta Komunikasi dan Multimedia yang digunakan untuk menyekat kebebasan bersuara; serta Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) yang menyekat kebebasan pelajar.
 - 15. Kerajaan harus kaji semula pembangunan yang berketerlaluan yang dibuat tanpa strategi melindungi alam sekitar. Hentikan segala projek yang mencemar alam sekitar dan mengancam keselamatan masyarakat, seperti pembangunan loji jana kuasa nuklear, dan pencerobohan ke atas kawasan orang asal/asli yang menghancurkan kehidupan mereka.
 - 16. Lindungi hak tanah adat orang asal/asli daripada ancaman pencerobohan oleh pihak kerajaan ataupun swasta.
 - 17. Kerajaan harus kawal harga barang. Tindakan yang perlu diambil termasuk:
 - Tarik balik pembatalan atau

- pengurangan subsidi ke atas barang keperluan rakyat.
- Kekalkan subsidi dalam sektor pertanian, pendidikan dan kesihatan.
 - Kawal harga minyak bahan bakar supaya tidak membebankan rakyat.
 - Pengawasan dan pemantauan yang lebih ketat terhadap kedai-kedai dan pasaraya-pasaraya dalam penetapan harga barang kawalan.
 - 18. Selesaikan masalah kewarganegaraan, termasuk:
 - Kerajaan harus meluluskan permohonan kewarganegaraan untuk rakyat yang bermastautin tetap di negara kita untuk lebih daripada 40 tahun.
 - Kerajaan harus mengumumkan senarai nama lebih kurang 2,500 orang yang diluluskan permohonan kewarganegaraan tetapi masih belum mengutip kad pengenalan mereka.
 - 19. Pilihanraya yang bersih, bebas dan adil.
 - Kerajaan harus mewujudkan peluang yang samarata dalam siaran televisyen kepada semua parti yang

- bertanding dalam Pilihan Raya Umum.
- Kerajaan harus menjadikan warganegara Malaysia yang mencapai umur 21 tahun sebagai pengundi secara automatik.
 - 20. Kembalikan pilihanraya kerajaan tempatan.
 - 21. Kerajaan harus menggubal dasar yang komprehensif untuk menjamin hak pekerja migran. Kerajaan perlu menggubal undang-undang membolehkan golongan pelarian yang mencari perlindungan mendapat peluang pekerjaan di negara kita.
 - 22. Semua badan kerajaan dan korporat perlu menyediakan pusat penjagaan kanak-kanak secara percuma di tempat kerja.
 - 23. Cuti bersalin sekurang-kurangnya 6 bulan untuk ibu yang melahirkan anak, dan 1 bulan untuk bapa.
 - 24. Kerajaan harus mengisyihar dan mewartakan Hari Wanita Antarabangsa (8 Mac setiap tahun) sebagai hari kelepasan am. ##



KUIZ PEKERJA

i. Di bawah keadaan apakah seseorang pekerja layak mendapat cuti sakit berbayar?

ii. Berapakah jumlah hari cuti sakit yang layak diperolehi seseorang pekerja dalam satu tahun?

(Jawapan di m/s 11)

Sudut Komik Dilema pilihanraya?



VZK
2017